كمنترين كبودايأن بليا دان سوكن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# لاڤورن تاهونن ٢٠٢٢/٢٠٢٣

# LAPORAN TAHUNAN 2022/2023

Kemaskini 18 Februari 2024

# NOTA PENERBIT

**Pembaca yang dihormati,**

Laporan Tahunan 2022/2023 ini diberi nilai tambah dengan mengongsikan pencapaian prestasi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bagi 4 tahun kebelakangan. Penganalisaan data akan mengupas pencapaian prestasi, pendekatan senegara, trend dan cabaran yang dihadapi bagi mengorak langkah seterusnya ke arah memberikan impak pemberian Perkhidmatan yang Efisien, Cekap dan Tepat pada Masa. Di samping memuatkan pelbagai akitiviti KKBS, laporan ini juga menghuraikan pencapaian sasaran yang digariskan dalam Pelan Strategik KKBS 2020-2024 termasuk strategi dan pelan tindakan kebangsaan seperti dasar-dasar di bawah kawalan KKBS; sebagai contoh Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035; Pelan-pelan tindakan di bawah kawalan Majlis Kebangsaan Isu Sosial seperti Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan.

Bertepatan dengan tujuan ini, tema Laporan Tahun 2022/2023 masih mengekalkan tema **Meningkatkan Pengalaman Klien Didahulukan** ***(Enhance Client First Experience).*** Klien menentukan apa yang kita lakukan dan menjadi keutamaan kita. Oleh itu, untuk berjaya dengan memberikan impak, kita sebagai sebuah organisasi perlu memberikan tumpuan utama kepada pengintegrasian kesemua fungsi bidang sektor dan memaksimakan kerjasama rakan strategik melalui pendekatan senegara ke arah **memelihara dan mengelinga kesejahteraan dan kebajikan masyarakat.** Dalam pada itu, kepentingan **pendekatan senegara** perlu dijadikan sebagai asas ke atas apa jua matlamat segala inisiatif yang dilaksanakan.

> “Apa yang penting ialah, usaha ke arah memperkasa, mengelinga dan memeduli kesejahteraan rakyat memerlukan kerjasama sepadu semua peringkat dan lapisan masyarakat.”

YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

# ISI KANDUNGAN


| | Muka Surat |
|---|---|
| **RUMUSAN EKSEKUTIF** | 4-7 |
| **PENCAPAIAN SASARAN** | 8 |
| **PENGENALAN** | 9 |
| **VISI DAN MISI** | 10 |
| **KEPIMPINAN** | 11 |
| **PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN** | |
| **1. PERSEKITARAN KERJA PRODUKTIF DAN INKLUSIF** | 13 |
| Sumber Tenaga Manusia | 14 |
| Pengurusan Operasi | 15-16 |
| Audit Dalaman | 17 |
| **2. PENGURUSAN STRATEGI DAN DASAR** | 18 |
| Unit Strategi dan Dasar | 19 |
| Unit Teknologi Maklumat | 20 |
| Unit Perhubungan Awam | 20 |
| Hal Ehwal Antarabangsa | 21-23 |
| Unit Perkembangan Sumber Manusia | 24 |
| **EKOSISTEM:** | |
| **3. PENGURUSAN KEWANGAN** – Belanjawan Yang Berhemat | |
| Tadbir Urus Kewangan Efektif | 26 |
| Prestasi Perbelanjaan | 27 |
| Perbelanjaan Bahagian dan Jabatan | 28-29 |
| Pemeliharaan Aset dan Prasarana | 30 |
| Kutipan Hasil | 31 |
| Rancangan Kemajuan Negara | 32 |
| **4. MASYARAKAT PROGRESIF** – Meningkatkan Kemandirian Golongan Sasaran | 34-51 |
| **5. BELIA SIAGA MASA DEPAN** – Menerajui Pembentukan Dasar dan libatsama | 52-69 |
| **6. NEGARA SUKAN YANG GEMILANG** – Mengembangmajukan Pembangunan Sukan | 70-83 |
| **7. BUDAYA DINAMIK DAN WARISAN TERPELIHARA**– Meningkatkan Kefahaman dan Penghayatan Warisan, Budaya dan Sejarah | 84-99 |
| MENUJU KE HADAPAN | 100 |
| LAMPIRAN | 101 |

# RUMUSAN EKSEKUTIF

- Tahun Kewangan 2022/2023 secara keseluruhannya menunjukkan pencapaian yang menggalakkan di samping menyaksikan peralihan dalam pucuk kepimpinan yang telah membantu untuk memperhalusi lagi sistem pengurusan dan proses yang sedia ada.

- Perubahan dan peralihan kepimpinan ini juga menunjukkan konsistensi dalam mengekalkan strategi dan hala tuju dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti, pensejajaran sistem dan proses serta meningkatkan kerjasama strategik ke arah penyediaan perkhidmatan yang berkualiti yang memfokuskan klien.

- Penganalisisan prestasi pencapaian 4 Tahun Kewangan secara kebelakangan untuk memberikan gambaran Kementerian ini dalam landasan yang betul dan menjurus kepada Pelan Strategik KKBS 2020-2024; dan

- 5 bidang fokus yang disejajarkan dengan 4 fokus belanjawan Tahun Kewangan 2022/2023 – Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosio-Ekonomi Yang Resilien

# FOKUS BELANJAWAN 1 - MEMELIHARA KESEJAHTERAAN AWAM

## PEMBANGUNAN KAPASITI

- **287 golongan sasaran Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) dan Orang Kelainan Upaya (OKU)** mendapat pekerjaan

- **164 pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB)** mendapat pekerjaan
- **61 pelatih OKU** Pusat Bahagia mendapat pekerjaan dan **49 OKU** mendapat pekerjaan melalui JobCentre Brunei
- **115** jenis penyelidikan, **681** pendokumentasian dan **83** penerbitan buku
- **>$44 ribu hasil perkhidmatan** Tulisan Jawi dan Penterjemahan dengan hasil perkhidmatan
- **110** Program Sukan Untuk Masyarakat
- **428 Pelatih OKU** kemasukan ke Pusat Bahagia

## RAKAN STRATEGIK

- Memeterai penandatanganan Memorandum Persefahaman bersama Universiti Brunei Darussalam
- Memeterai penandatanganan 2 **Memorandum Kesefahaman** bersama Turkiye

---

- Perlaksanaan projek Perjalanan Kebudayaan bersama **20** sekolah dan **1** instituasi pengajian tinggi

## PENGGUNAAN KEMUDAHAN DAN SUMBER

- **>$392 ribu** bantuan kewangan kepada 17 Persatuan Sukan Kebangsaan
- **>61 ribu pengguna** kemudahan dan fasiliti Pusat Belia di semua daerah
- >600 penghuni Asrama Pusat Belia
- 1,307 keahlian PKWE
- 855 permohonan Elaun Penyedia Penjagaan; 390 diluluskan

- **>7.5 ribu pengguna** Kompleks Sukan di bawah *Facility Rental System*
- **>$128 ribu** kepada Persatuan termasuk OKU dan Warga Emas, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan bagi aktiviti dan Program Pembangunan Masyarakat
- **411** pelawat aplikasi Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja
- **>108 ribu pengunjung** muzium, galeri dan tapak warisan
- **>9 ribu pengunjung** e-perpustakaan
- **>77 ribu pelawat** laman sesawang Muzium, PSB dan DBP

## PENSEJAJARAN SISTEM DAN PROSES

- Program Bicara Siri Inspirasi (BiSAI) mula diadakan pada **15 Jun 2022**
- **81%** prestasi perbelanjaan KKBS
- **>$430 ribu** kutipan hasil
- **$75.8 juta** pembayaran PUT melalui bank bermula Ogos 2021 kepada **27 ribu** penerima
- **>37 ribu** permohonan bantuan melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN); **21,413** permohonan JAPEM dan **16,371** permohonan MUIB
- **>30 ribu** permohonan bantuan sudah berdaftar di bawah SKN; Di bawah JAPEM **17,959** telah dimesyuaratkan; **7,941 (44%)** permohonan JAPEM diluluskan dan di bawah MUIB **13,340** telah dimesyuaratkan dan **5,629** diluluskan **(42%)**
- **>1,300 panggilan Talian Anak 121: 48** diambil tindakan; **1,300** memberi maklumat
- **>14 ribu panggilan *Helpline* 141: 43** diambil tindakan; **13 ribu** memberi maklumat; **43** aduan
- **260 kes** kumulatif didaftarkan ke dalam pangkalan data RCYPNP
- **3,208 individu** dan **179 organisasi** berdaftar di dalam Aplikasi Mengalinga; **5,090** muat turun
- **58% ruang pejabat** ditambah baik dan dinaik taraf
- **10** kemudahan dan fasiliti dalam *FRS* dengan menjana hasil **$16 ribu**

# FOKUS BELANJAWAN 3 - MENDUKUNG DAN MEMBANTU SEKTOR SWASTA AGAR BERDAYA TAHAN DAN BERKEMBANG

## PEMBANGUNAN KAPASITI

- Penyediaan **4** lokasi/tempat inkubator bagi aktiviti keusahawanan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah

- **9 pengusaha belia** di bawah Program Pertanian dan Perladangan menjana hasil pendapatan **>$228 ribu**
- Pengusaha Belia Berpadi berhasil mengeluarkan **72.68 tan** padi
- Penyediaan **55 hektar** tapak tanah bagi Program Pertanian dan Perladangan:
  - **6 belia** projek Belia Berpadi dengan 10 hektar tapak tanah
  - **3 belia** projek Belia Betani dengan 3 hektar tapak tanah

- **>$5.2 ribu** kutipan hasil jualan produk Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE)
- **142** usahawan warga emas bagi 1K1P

## KERJASAMA AWAM-SWASTA/PENYUMBERLUARAN

- **>$36 ribu** penjanaan hasil sewa bagi Gymku Higher, Kompleks Sukan Tutong dan Mayhem Fitness, Kompleks Sukan Mumong
- Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), *Home Support Staff* (HSS) dan Penswastaan Sumber Tenaga
- Penyediaan tempat/ruang bagi e-sports di Kompleks Sukan Menglait dengan bantuan kewangan **>$28 ribu**
- Penyediaan **11** ruang keusahawanan untuk produk OKU di ruang legar KKBS, Royal Regalia dan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei

## PENCAPAIAN PRESTASI 4 TAHUN KEWANGAN 2019-2022

**524,741**
PESERTA MENGIKUTI **4,220** JENIS PROGRAM DAN AKTIVITI PEMBANGUNAN KAPASITI

**1,836**
GOLONGAN SASARAN MENDAPAT PEKERJAAN

**1,002**
GOLONGAN SASARAN TERLIBAT DALAM AKTIVITI KEUSAHAWANAN

# FOKUS BELANJAWAN 4 - MENINGKAT KOMPETENSI SUMBER MANUSIA KE ARAH *WORK AND FUTURE READY*

## PEMBANGUNAN KAPASITI

- **>$37 ribu** hasil jualan produk Pusat Bahagia
- **28 peserta** yang berbakat sukan setelah menjalan Program Talent Identification

- **199** golongan sasaran berkecimpung dalam aktiviti keusahawanan
- **1,247 peserta** Program Kursus Kemahiran dan Keusahawanan JAPEM
- **126 golongan sasaran** Program Pelan Pekerjaan dan Program TEKAD Pekerjaan
- **30 pencalonan** daripada kementerian mengikuti kursus peraturan-peraturan kewangan
- **97% warga kakitangan** menghadiri kursus latihan dan peningkatan kemahiran
- **94%** dinilai prestasi tahap Sangat Baik (53%) dan Cemerlang (41%)
- **>14 ribu belia** mengikuti Program Pembangunan Jati Diri

- **78 penuntut pengajian tinggi** mengikuti penempatan latihan kerja di Sektor Kebudayaan
- **>90 ribu** peserta mengikuti **1,049** Program Melestari Warisan, Budaya dan Sejarah
- **28 peserta** Program Penulis Muda

- **88 Pelatih** Program Pembangunan Belia
- **3,716 Alumni** Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)
- **531 peserta** Program Pembinaan Pasukan dan Kepimpinan
- **2,317 peserta** Outward Bound Brunei Darussalam
- **35 peserta** Program Perkasa Komuniti

- **859** atlet skim
- **964 Atlet** Pelapis dan Kebangsaan
- **125 OKU** berdaftar di JobCentre Brunei
- **58% ruang pejabat** ditambah baik dan dinaik taraf
- **702 OKU** mengikuti 3 Program Pembangunan
- Bantuan Penggiat Seni dan Budaya sebanyak **$14,925** bagi **7** persatuan/individu

## RAKAN STRATEGIK

- **84** program latihan jangka pendek Institut Perkhidmatan Awam dilaksanakan
- **63%** perlaksanaan aktiviti dan program di bawah Pelan Tindakan DBNS 2020-2024

## PENSEJAJARAN SISTEM DAN PROSES

- Program Biasiswa Sukan
- Program Pingat Sukan SEA

# PENCAPAIAN SASARAN

## 2019-2022

- Sistem Kebajikan Negara
- Perintah OKU
- Pindaan Akta PUT dan Elaun OKU
- Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak
- Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan
- Pelan Tindakan Warga Emas
- Pelan Tindakan OKU
- Pelan Tindakan Kanak-Kanak
- Rumah Perlindungan Baharu
- Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035
- Rebiu Program Keusahawanan Belia
- Jawatankuasa Kebangsaan DBNS 2020-2035
- Garis Panduan Sukarelawan
- Sistem Aplikasi Sukarelawan MENGALINGA
- Pemberian Bantuan untuk Persatuan dan Pergerakan Belia
- Rebiu Pusat Belia
- Rebiu Resolusi Belia 2019
- Rebiu OBBD
- Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan
- Program Pingat Sukan SEA
- Program Biasiswa Sukan
- Budayaw 2021
- Pusat Sejarah sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei
- Kurikulum Akademi Budaya dan Kesenian
- Penjenamaan semula Perpustakaan-perpustakaan Negara

## 2023

- *Social Blueprint*
- Penyelidikan Perkembangan Wanita
- Garis Panduan Program Jagaan Anak Angkat
- Garispandu Penyediaan Bilik Penjagaan di Tempat Kerja
- Pelan Tindakan Wanita
- Pelan Tindakan Keluarga
- Indeks Pembangunan Belia Kebangsaan
- Akademi Belia
- Rebiu PKBN
- Pusat-pusat Belia sebagai Pusat Kecemerlangan
- Rangka Kerja Kecekapan Belia
- Pusat Pembangunan Belia sebagai Pusat Kecemerlangan
- Penaiktarafan Stadium Negara Hassanal Bolkiah
- Institut Sukan Negara Brunei Darussalam
- Pengoptimuman Pusat Penyelidikan dan Perubatan Sukan
- Pengoptimuman '*High Performance Lab*'
- Dasar Kebudayaan Negara
- Muzium Brunei
- Arca ASEAN Taman Damuan
- Penstrukturan semula Sektor Kebudayaan
- Perpustakaan Komuniti
- Kajian Semula Separuh Penggal Pelan Strategik KKBS 2020-2024
- Bahagian Pengurusan Strategi dan Dasar
- Pendigitalisasian (BantuBN, E-Kamus, Sistem Pengurusan Penyimpanan Muzium)
- Strategi Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia
- Program Khidmat Pelanggan
- Penaiktarafan Unit Pengurusan Estet kepada Bahagian Pengurusan Estet (BPE) dan Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Persekitaran (HSSE) diserapkan dibawah BPE
- Pejabat Pintar
- Unit Undang-Undang

## 2024

- Revitalisasi Pusat Bahagia
- Rangka Kerja Kecekapan Kerja Sosial dan Kaunseling
- Pengoptimuman KRK
- Inisiatif Perusahaan Sosial
- Perlindungan insuran kepada pekerja JAPEM yang bersesuaian
- Rangka Kerja Penjagaan Awal Kanak-Kanak
- Dasar Kebajikan Negara
- Majlis Belia Kebangsaan
- Kongres Belia Kebangsaan
- Kajian dan Diagnostik Keusahawanan
- Penubuhan Badan Pengiktirafan Kegiatan Rekreasi
- Badan Sukarelawan
- Garis Pandu Badan Pengiktirafan Negara Luar
- Hab Inovasi Belia
- Penyelidikan Majlis Belia Kebangsaan
- Yayasan Sukan Negara
- Membangunkan Pusat Latihan dan Pemulihan Atlet Sukan Kebangsaan
- Mengukuhkan ekosistem untuk Kanak-kanak
- Muzium Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sumber dan Penyelidikan
- Pusat Kebudayaan Kebangsaan
- Perpustakaan Negara
- Sistem Pengurusan Kemudahan Fasilitas
- Kajian Kepuasan Pelanggan
- Pusat Pangkalan Data Organisasi
- Analisis Keperluan Pembelajaran

Nota: Perubahan pencapaian sasaran menurut Kajian Semula Separuh Penggal Pelan Strategik 2020-2024.

## PENGENALAN

- Pada keseluruhannya, belanjawan Tahun Kewangan 2022/2023 KKBS menetapkan beberapa sasaran tertentu bagi mendukung tema **Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosio-Ekonomi Yang Resilien** untuk terus merealisasikan pencapaian visi kementerian ke arah **Bangsa Brunei Cemerlang.**
- Pencapaian visi ialah:
    - Masyarakat Progresif
    - Belia Siaga Masa Depan
    - Negara Sukan yang Gemilang
    - Budaya Dinamik dan Warisan Terpelihara
    - Persekitaran Kerja Inklusif dan Produktif

## LATAR BELAKANG

- Tema belanjawan Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosio-Ekonomi Yang Resilien pada dasarnya merangkumi semua lapisan masyarakat secara inklusif. Ia sangat bertepatan dengan tema Laporan Tahunan 2022/2023 iaitu **Meningkatkan Pengalaman Klien Didahulukan** (***Enhance Client First Experience***).
- Justeru itu, memelihara dan mengelinga kesejahteraan dan kebajikan masyarakat ialah tanggungjawab bersama dengan mengutamakan, kepentingan **pendekatan senegara** sebagai asas ke atas apa jua matlamat segala inisiatif yang dilaksanakan.
- Penekanan diberikan kepada Program Pengupayaan, Pemerkasaan dan Penglibatan ($P^3$); pengoptimuman platform aplikasi pintar dan digital; dan memantapkan sistem mekanisme sistem dukungan dan proses bagi meningkatkan kualiti pemberian perkhidmatan.

KKBS terus menggiatkan dan memantapkan pelaksanaan pelan strategik 2020-2024. Secara keseluruhannya, 33% iaitu 26 daripada 79 pencapaian sasaran selesai dilaksanakan bagi tahun 2020 hingga suku kedua 2023. Manakala 67%, iaitu 53 daripadanya sedang dalam pelaksanaan dan untuk diselesaikan sehingga selesai kitaran strategi pada tahun 2024. Untuk itu, kita akan menggandakan usaha dalam memastikan pelaksanaan strategi mencapai prestasi yang cemerlang dan lebih menepati sasaran yang digariskan.

**33%**

daripada 79 pencapaian sasaran selesai bagi tahun 2020 hingga suku kedua 2023

- Pengukur prestasi sebenar pelaksanaan pelan strategik kementerian adalah dari aspek keberkesanan dan impak yang hendak dicapai. Tumpuan keutamaan perlu melihat kepada pelaksanaan strategi dan pelan tindakan setiap sektor, bahagian dan jabatan di peringkat taktikal dan operasional. Tindakan yang mendukung kepada keberkesanan strategi semua peringkat perlu disejajarkan dengan pelan strategik kementerian ini.




- Pencapaian khusus tersebut, dihuraikan dengan terperinci dan meluas di bawah Pencapaian-pencapaian Sasaran:
    - Persekitaran Kerja Produktif dan Inklusif
    - Masyarakat Progresif
    - Belia Siaga Masa Depan
    - Negara Sukan yang Gemilang
    - Budaya Dinamik dan Warisan Terpelihara

## VISI DAN MISI

Bagi mencapai visi **Bangsa Brunei Cemerlang**, Kementerian ini akan sentiasa berusaha meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan rakyat melalui misi iaitu membina masyarakat yang berbudaya, berdaya tahan, berdaya saing, bertanggungjawab dan pemedulian.

Untuk mencapai matlamat ini, kita akan secara berterusan:

- Meningkatkan kerjasama strategik melalui pendekatan seluruh negara;
- Meningkatkan kualiti pemberian perkhidmatan kepada pelanggan; dan
- Meningkatkan kehidupan bangsa berkualiti.



# KEPIMPINAN

**MENTERI**
Yang Berhormat Dato Seri Setia
Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad

**SETIAUSAHA TETAP [Kesukanan]**
Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud

**SETIAUSAHA TETAP [Kebudayaan]**
Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan

**SETIAUSAHA TETAP [Kemasyarakatan]**
Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari

**SETIAUSAHA TETAP [Kebeliaan]**
Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin

**TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP [Kebudayaan]**
Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah

**TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP [Kemasyarakatan]**
Yang Mulia Dayang Saidah binti Haji Wahid

**BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**
Pengarah
Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN**
Pemangku Pengarah
Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi

**BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA**
Pemangku Pengarah
Yang Mulia Mejar (B) Awang Haji Mohammad bin Dollah

**BAHAGIAN PENYELIDIKAN, PERKEMBANGAN DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA**
Pengarah
Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abdul Hamid

**BAHAGIAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN**
Pemangku Pengarah
Yang Mulia Awang Haji Abdoh bin Haji Awang Damit

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN SOSIAL**
Pemangku Pengarah
Yang Mulia Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
Pengarah
Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abd Karim

**PUSAT SEJARAH BRUNEI**
Pengetua
Yang Mulia Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**
Pemangku Pengarah
Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abdul Wahab

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM**
Pemangku Pengarah
Yang Mulia Dayang Normasitirena binti Haji Suhaini

**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**
Pemangku Pengarah
Yang Mulia Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman

# PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

# 01 PERSEKITARAN KERJA PRODUKTIF DAN INKLUSIF

Mengukuhkan ekosistem organisasi yang selamat, saksama, sepadu dan komited ke arah pemberian perkhidmatan berkualiti melalui:

- Pembangunan Keupayaan
- Pentadbiran dan Kewangan
- Pengurusan Operasi
- Perkhidmatan yang Memfokus Pelanggan

## FOKUS

- Memastikan pengurusan hal ehwal pentadbiran, kewangan dan estet berjalan dengan efektif dan efisien.
- Meningkatkan kualiti pemberian perkhidmatan organisasi.
- Kemajuan dalam inovasi dan teknologi.
- Peluang latihan dan perkembangan.

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 60% proses kerja menggunakan teknologi digital.
- 80% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan.
- 10% daripada jumlah organisasi yang berdedikasi melaksanakan inovasi dan peningkatan kualiti.
- 30% daripada jumlah kakitangan berjaya menamatkan latihan Program Pembangunan Kapasiti.

## Pencapaian Sasaran 2022/2023

| | |
|---|---|
| 20% proses kerja menggunakan teknologi digital | 97% warga kementerian mengikuti kursus latihan kemahiran |
| 58% ruang pejabat ditambah baik dan dinaik taraf | 84 program bersama Institut Perkhidmatan Awam dan Rakan Strategik dalam Progam Pembangunan Kapasiti melibatkan 1,831 peserta |
| Penggunaan Sistem Sumber Manusia (SSM) bermula Ogos 2021 | |

## FOKUS 2023/2024

### PENGOPTIMUMAN TEKNOLOGI DIGITAL

- Sistem BantuBN
- Sistem E-Kamus
- Pejabat Pintar

### PEMBANGUNAN KEUPAYAAN

- Strategi Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia
- Program Pengurusan Bakat
- Program Inovasi dan Kualiti
- Program Khidmat Pelanggan
- Strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan-Antarabangsa

### KUALITI PEMBERIAN PERKHIDMATAN

- Bahagian Pengurusan Strategi dan Dasar/Pejabat Pengurusan Strategi
- Unit Undang-Undang
- Kajian Kepuasan Pelanggan

> “Tadbir Urus Pentadbiran berorientasikan Prestasi, Pencapaian dan Produktiviti.”

# SUMBER TENAGA MANUSIA

Aktiviti sumber tenaga manusia termasuklah urusan pengambilan, penetapan dalam jawatan, pertukaran, urusan persaraan, kenaikan pangkat, latihan dan pengiktirafan.




- Jumlah keseluruhan warga kementerian menunjukkan peningkatan 0.8% berbanding 2021/2022. 53 pegawai dan kakitangan bersara dan 75 pegawai dan kakitangan baharu berkhidmat.

> "Warga kakitangan yang terlibat aktif, cekap, berkebolehan dan berkeyakinan dalam menyampaikan perkhidmatan yang memenuhi pelbagai keperluan ..."

PS KKBS 2020-2024

**Distribusi Petugas** **1,883**







**41%** Cemerlang
**53%** Sangat Baik

- 41% mencapai penilaian prestasi tahap Cemerlang berbanding 38% tahun 2020/2021
- 53% mencapai penilaian prestasi Sangat Baik berbanding 54% tahun sebelumnya

**97%** warga kementerian menjalani latihan kemahiran

- Menunjukkan peningkatan 18% daripada pencapaian 79% pada tahun 2021/2022

**36** penerima Kurnia Pingat Kehormatan

Pengurniaan pingat dari tahun 2022/2023

- 1 penerima PJK
- 23 penerima PIKB (39% lelaki dan 61% perempuan)
- 12 penerima PKL (50% lelaki dan 50% perempuan)

# PENGURUSAN OPERASI

Pengurusan Operasi merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan yang menyelia kerja dan aktiviti harian termasuk pengurusan dan pengendalian sistem, proses, aset dan prasarana, keselamatan dan sumber tenaga manusia.

## PERKHIDMATAN DAN UNIT

- Perkembangan Sumber Tenaga Manusia
- Pengurusan Estet
- Perbekalan
- Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran

### PERKEMBANGAN SUMBER TENAGA MANUSIA

Menyelaras pelaksanaan strategi dan dasar perkembangan sumber tenaga manusia kementerian secara menyeluruh bagi memastikan semua warga kakitangan diberikan program latihan pembangunan kapasiti yang relevan dan menepati keperluan organisasi.

Projek Dalam Pelaksanaan:

- Pelan Sumber Manusia
- Audit Tenaga Kerja
- Analisis Keperluan Pembelajaran

> "… peningkatan kerjasama Pasukan Rentas Pelbagai Fungsi *(CFT)*."

### KESIHATAN, KESELAMATAN DAN PERSEKITARAN

Menyelaras penyediaan pelaksanaan strategi dan dasar kesihatan, keselamatan dan persekitaran yang kondusif termasuk peningkatan penambahbaikan sistem serta kualiti perkhidmatan, aset dan prasarana.

Projek Dalam Pelaksanaan:

- Kawalan Keselematan
  - Outward Bound Brunei Darussalam
  - Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara
  - Perkampongan Sukan *(Games Village)*
  - Kompleks Rumah Kebajikan
  - Bangunan-bangunan Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka
  - Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
  - Banginan Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah
  - Bangunan Galeri Seni
  - Pusat Pembangunan Belia

### PERBEKALAN

Menyelaras pengurusan pembekalan dan keperluan logistik termasuk memastikan hubungan rangkaian bersama pembekal, penyediaan sistem dan proses perbekalan yang efisien dan efektif.

Projek Penambahbaikan:

- Pengemaskinian struktur, proses dan fungsi

### PENGURUSAN ESTET

Menyelaras penyediaan pelaksanaan strategi dan dasar kesihatan, keselamatan dan persekitaran yang kondusif termasuk peningkatan penambahbaikan sistem serta kualiti perkhidmatan, aset dan prasarana.

Projek Dalam Pelaksanaan:

- Sistem Pengurusan Kemudahan Fasiliti

## MENAMBAH BAIK DAN MENAIK TARAF RUANG PEJABAT

- Projek yang dilaksanakan secara berfasa yang bertujuan untuk memberikan keselesaan warga kerja, memberikan perkhidmatan kepada klien dan produktiviti kerja.

- Kerja-kerja yang telah selesai dilaksanakan adalah seperti:

  - Aras 1 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (2021/2022)
  - Aras 1 JAPEM (Bahagian Pencen) (2021/2022)
  - Aras 2: JAPEM (Bahagian Pentadbiran & Bantuan) (2022/2023)
  - Aras 6 Bahagian Sukan
  - Aras Bawah 2 Bilik Muzik di Bahagian Kebudayaan dan Kesenian (2021/2022)
  - Aras 8 (2021/2022)

- Kerja-kerja yang sedang dilaksanakan:
  - Aras 5 UTM (2023/2024)

### PENYAMBUNGAN PENAIKTARAFAN

FASA 3: Pelaksanaan bagi Tahun Kewangan (2024/2025)

- Aras 5
  - Bahagian Penyelidikan dan Hal Ehwal Antarabangsa;
  - Bahagian Perkhidmatan Sosial

- Aras Bawah: Unit Strategi dan Dasar

# AUDIT DALAMAN

Memeriksa, menilai keberkesanan tadbir urus organisasi, pengurusan risiko, proses dalaman dan prestasi kualiti. Matlamat utama adalah memastikan kepatuhan undang-undang, dasar, peraturan dan prosedur.

## FOKUS

- Menguji kawalan dalaman dengan menjalankan beberapa prosedur pengauditan, jerayawara dan memastikan pembentukan kumpulan-kumpulan audit dalaman

## Pencapaian Sasaran 2022/2023

Penyelarasan dan penyediaan maklum balas 14 pengauditan

Penubuhan Unit Audit Dalaman

Penubuhan Jawatankuasa Audit Dalaman yang terdiri daripada Pengerusi (Menteri) dan ahli-ahli terdiri daripada SUT-SUT dan TSUT.

## FOKUS 2023/2024

### MENAMBAH BAIK PEMBERIAN PERKHIDMATAN

- Penyediaan Pelan Audit
- Audit Dalaman dan Susulan
- Pengemaskinian Laporan Audit
- Pelaksanaan Penilaian Kawalan Dalaman (ICA)

### MEMAKSIMAKAN KERJASAMA RAKAN STRATEGIK

- Pembangunan kapasiti dalam latihan pengauditan, dasar, peraturan dan pengurusan audit dalaman
- Pemberigaan kesedaran kepada warga kementerian

"Unit Audit Dalaman secara berpusat (*centralised*) sepenuh masa hendaklah ditubuhkan disetiap kementerian di bawah Setiausaha Tetap yang mengawal selia Unit Audit Dalaman di kementerian masing- masing."

PENUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN PENUBUHAN UNIT AUDIT DALAMAN DI KEMENTERIAN (SK 05/2022)

# 02 PENGURUSAN STRATEGI DAN DASAR

Merangka, merancang dan menggubal hala tuju kementerian serta memantau pelaksanaan strategi dan dasar oleh bahagian dan jabatan. Matlamat utama adalah bagi memantapkan pengurusan kementerian ke arah satu organisasi yang produktif, efektif dan efisien.

## FOKUS

- Memberikan kepimpinan dan hala tuju semua bidang pengurusan melalui pengintegrasian dan pelaksanaan strategi dan dasar, termasuk pemantauan prestasi dan produktiviti.

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 60% proses kerja menggunakan teknologi digital.
- 10% peningkatan inovasi.
- 10% daripada jumlah organisasi yang berdedikasi melaksanakan inovasi dan peningkatan kualiti.

Sasaran Tambahan

- Pelaksanaan 3 projek pembaikan kualiti.
- 3 bengkel hala tuju.
- 100 peserta mengikuti Program Pembangunan Kapasiti.
- Penyediaan 3 kertas kerja strategik
- Penandatanganan memorandum persefahaman.

### Pencapaian Sasaran 2022/2023

2 sesi Program Siri Bicara Inspirasi (BISAI) bagi semua warga kementerian

Program Kepimpinan Al-Uswah dan Al-Zaim bagi Ketua-ketua Bahagian dan Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan dan Pegawai B2

Penandatanganan Memorandum Persefahaman bersama Universiti Brunei Darussalam

### FOKUS 2023/2024

**PENGOPTIMUMAN SUMBER SECARA EFEKTIF**

- Pengemaskinian dan penstrukturan semula Pengurusan Strategi dan Dasar
  - Bahagian Pengurusan Strategi dan Dasar
- Program latihan dalaman – kepimpinan dan inovasi bagi pegawai baharu berkhidmat

**MENAMBAHBAIK PEMBERIAN PERKHIDMATAN**

- Audit dalaman
- Penggredan 3PSA yang disasarkan dan secara berperingkat
- Pelaksanaan Pelan Transformasi Digital
- Kerjasama dengan Pentadbiran dan Kewangan bagi meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan Kementerian

**MEMAKSIMAKAN KERJASAMA RAKAN STRATEGIK**

- Pembangunan kapasiti dalam pengurusan strategi, dasar dan penganalisaan impak
- Perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran
- Tanggungjawab sosial korporat

> “Kepentingan permuzakarahan dalam semua lapisan peringkat bagi mengetahui pemilikan dan akauntabiliti dalam melaksanakan apa jua inisiatif.”

SUT (KEBUDAYAAN)

# UNIT STRATEGI DAN DASAR

Merangka, merancang dan menggubal hala tuju organisasi dengan mengenal pasti inisiatif strategik yang dilaksanakan adalah selaras dengan objektif, pencapaian visi dan misi Kementerian. Matlamat utama adalah bagi memantapkan pengurusan, pengintegrasian dan pelaksanaan strategi, dasar dan pelan tindakan yang berkesan dan berimpak.

## FOKUS

- Pengemaskinian dan penstrukturan semula Pengurusan Strategi dan Dasar bagi mewujudkan Bahagian Pengurusan Strategi dan Dasar.
- Menjadi sumber kepada penyediaan strategi, hala tuju, pelan tindakan dan termasuk pemantauan prestasi pelaksanaan Pelan Strategik KKBS.
- Menyelaras dan mengkordinasi pengumpulan data termasuk penganalisaan bagi penyediaan strategi, hala tuju, laporan, pelan tindakan dan persediaan bagi Mesyuarat Menteri Kabinet dan permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara

## Pencapaian Sasaran 2022/2023

**Pelaksanaan Kajian Semula Separuh Penggal Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 2020-2024**

**Laporan Kajian Semula Separuh Penggal Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 2020-2024**

**Menjadi sumber kepada penubuhan Institut Sukan Negara Brunei Darussalam seperti Pendrafan *BDIS Order* dan Biasiswa Sukan**

**Menjadi sumber bagi penyediaan Cadangan Anggaran Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025**

**Memudahcara 5 bengkel Kajian Semula Separuh Penggal Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 2020-2024**

## FOKUS 2023/2024

### PENGOPTIMUMAN SUMBER SECARA EFEKTIF

- Latihan Kepimpinan – Siri Latihan Kepimpinan
- Penempatan kerja pengurusan strategi dan pelaksanaan projek
- Merealisasikan penubuhan Bahagian Pengurusan Strategi dan Dasar

### MENAMBAH BAIK PEMBERIAN PERKHIDMATAN

- Program Berani Berinovasi
- Bengkel Hala Tuju
- Program Penambahbaikan Kualiti

### MEMAKSIMAKAN KERJASAMA RAKAN STRATEGIK

- Pembangunan kapasiti dalam pengurusan strategi, dasar dan penganalisaan impak
- Perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran
- Tanggungjawab sosial korporat

> "...setiap pelaksanaan strategi perlu ada pelan tindakan bagi memantau status perkembangan inisiatif-inisiatif yang dirancangkan."

## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Menyelaras strategi dan dasar teknologi info-komunikasi termasuk prasarana, perkakasan, perisian dan rangkaian. Matlamat utama adalah bagi memastikan prasarana yang terkini dan mampan melalui pelaksanaan projek teknologi infokomunikasi e-Kerajaan.

### Pencapaian Sasaran 2022/2023

- Penyediaan Pelan Transformasi Digital KKBS
- Pengemaskinian dan penstrukturan semula fungsi dan peranan Teknologi Maklumat
- Pengemaskinian dan penaiktarafan Laman Sesawang KKBS

### FOKUS 2023/2024

**PENGOPTIMUMAN SUMBER SECARA EFEKTIF**

- Projek Penggantian Peralatan Komputer
- Projek penghapusan peralatan komputer

**MEMAKSIMAKAN KERJASAMA RAKAN STRATEGIK**

- Pelaksanaan aktiviti transformasi digital secara keseluruhan adalah tertakluk kepada dasar-dasar dan peraturan yang dipayukan oleh Smart Nation MTIC, diselaras dan diberigakan melalui CIO Forum (quarterly) dan DTL Meeting secara berkala (bulanan)

**MENAMBAHBAIK PEMBERIAN PERKHIDMATAN**

- Perlaksanaan Pelan Transformasi Digital
  - BantuBN
  - E-Kamus
  - Smart Office

## UNIT PERHUBUNGAN AWAM

Menyelia, menilai dan meyalurkan maklumat atau komunikasi melalui penglibatan hubungan kerjasama dengan masyarakat, orang awam dan kakitangan kementerian. Matlamat utama adalah bagi memastikan maklumat atau informasi yang disalurkan adalah betul, terbukti dan tepat pada masa.

### Pencapaian Sasaran 2022/2023

- Mengkordinasi dan mengeluarkan 375 siaran media
- Penyediaan media penyiaran dalam dua bahasa (Melayu dan Inggeris)
- Penyediaan pangkalan data 119 ribu gambar simpanan yang berkepentingan
- Pengemaskinian dan penstrukturan semula Perhubungan Awam

### FOKUS 2023/2024

**PENGOPTIMUMAN SUMBER SECARA EFEKTIF**

- Latihan meningkatkan kemahiran dalam perhubungan awam, multi-media dan fotografi

**MENAMBAHBAIK PEMBERIAN PERKHIDMATAN**

- Pelaksanaan hala tuju Perhubungan Awam (Perhubungan Korporat)
- Garis panduan Media

**MEMAKSIMAKAN KERJASAMA RAKAN STRATEGIK**

- Pembangunan kapasiti dalam dasar dan pengurusan media, pengurusan laman sesawang, desain grafik, videografi dan pengurusan perhubungan korporat

## HAL EHWAL ANTARABANGSA

- Memastikan pelaksanaan pendirian dan juga dasar kemasyarakatan, kebeliaan, esukanan dan kebudayaan negara dapat dipelihara dan dimajukan, dengan mengambil kira penggubalan dasar, perancangan strategi atau pelan tindakan kebangsaan. Matlamat utama ialah mempertahankan, memelihara dan mempromosi kepentingan Negara Brunei Darussalam.

### FOKUS

- Dengan kerjasama bahagian dan jabatan di bawah kementerian bertanggungjawab menyelaras kedudukan negara melalui jalinan hubungan kerjasama dua hala, serantau dan antarabangsa dalam mendukung hasrat dan memelihara negara.

> "Memastikan pelaksanaan pendirian dan juga dasar kemasyarakatan, kebeliaan, kesukanan dan kebudayaan dipelihara dan dimajukan."

BPPA, KKBS

### Pencapaian Sasaran 2022/2023

- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Sekretariat kebangsaan bagi Tunggak *ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC)*
- 11 dokumen *ASCC* diluluskan dan 19 dokumen diambil maklum semasa Sidang Kemuncak *ASEAN* Ke-40 dan Ke-41 pada bulan November 2022 di Phnom Penh, Kemboja
- Tindakan lanjutan diteruskan bagi memastikan pelaksanaan deliverables *ASCC* semasa Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi *ASEAN 2021:*

Pembentangan ASEAN Comprehensive Framework on Care Economy:
- Isu Care Economy semasa 18th Coordinating Conference on the ASCC (18th SOC-COM) di bawah tema Promoting and Implementing *the Care Economy* in *ASEAN* pada Mei 2022

Awang Haji Mohd Iqbal bin Haji Damit, pengasas Persatuan *Hand4Hand (non-profit Organization)* dianugerahkan sebagai penerima *ASEAN Prize 2022*

Kerjasama Bersama dengan Kementerian/ Jabatan dan pihak berkepentingan (dalam dan luar negara)
- Pengongsian maklumat untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan SDG2022 kerjasama bersama Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian berkaitan.

- Perkembangan isu-isu berkaitan dengan *United Nations* melalui perbincangan Bersama *UN Resident Coordinator in Malaysia, Brunei and Singapore* (Berpangkalan di Malaysia) pada 20 Julai 2022; *UN Development Programme (UNDP) Asia dan Pacific* (UNDP berkenaan berpangkalan di Bangkok) pada 3-4 November 2022;

- Lawatan Kerja Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad, Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Merangkap Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Masyarakat Islam, Republik Singapura pada 10-12 Jun 2022
- Lawatan Kerja Tuan Yang Terutama Abdulla Shahid *President of the 76th Session of the UN General Assembly (PGA)* pada 27-29 Mei 2022

Memeterai penandatanganan 2 memorandum persefahaman pada tahun 2020 dan 2023:
- Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Kebudayaan di antara Negara Brunei Darussalam dan Turkiye pada 7 Mac 2023 di Turkiye; dan
- Protocol mengenai Kerjasama Arkib di antara Negara Brunei Darussalam dan Turkiye pada 7 Mac 2023 di Turkiye

## FOKUS 2023/2024

**PENGOPTIMUMAN SUMBER SECARA EFEKTIF**
- Penempatan Pegawai ASCC di Perwakilan Negara Brunei Darussalam di ASEAN
- Penambahan Pegawai baru

**MENAMBAH BAIK PEMBERIAN PERKHIDMATAN**
- Pengemaskinian struktur dan fungsi
- Memperkukuhkan Sekretariat Kebangsaan ASEAN Socio Cultural Community (ASCC)

**MEMAKSIMAKAN KERJASAMA RAKAN STRATEGIK**
- Pemeteraian 3 memorandum persefahaman
- Penyelarasan pendirian dan dasar bidang teras kementerian di peringkat serantau dan antarabangsa

- Pengesahan dan pengambilmakluman *deliverables* dan keutamaan di bawah ASCC bagi tahun Kepengerusian Negara Brunei Darussalam bagi ASEAN 2021 dan membantu dari segi substantif dan logistik secara menyeluruh

# KOMITMEN KKBS DI PERINGKAT ANTARABANGSA

## OBLIGASI NEGARA DI PERINGKAT PELBAGAI HALA

- *Sustainable Development Goals (SDGs)* : Laporan status pelaksanaan matlamat-matlamat *SDGs* berkaitan bidang teras KKBS melalui Jabatan Perdana Menteri (*SDG Annual Report & Voluntary National Review* (VNR))
- *Universal Periodic Review (UPR)* : Laporan status perkembangan *vulnerable group* (warga emas, orang kelainan upaya, wanita dan kanak-kanak) melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) kepada *United Nations Human Rights Council*
- *Committee of the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)* : Laporan Kebangsaan pelaksanaan CEDAW melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN)
- *Convention on the Rights of The Child (CRC)* : Laporan Kebangsaan pelaksanaan CRC melalui KHELN
- *Convention on the Rights of Persons With Disabilities (CRPD) :* Laporan Kebangsaan pelaksanaan CRPD melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN)
- *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage (ICH)*
- *International Centre for the Study of the Preservation and Restoration of Cultural Property (ICCROM)*
- *Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA)*
- Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (MABBIM)
- Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA)
- *International Council of Museums (ICM)*

## OBLIGASI NEGARA DI PERINGKAT ASEAN

**Selaku Sekretariat Kebangsaan *ASEAN Socio-Cultural Community Council (ASCC)/Senior Officials' Committee for ASCC (SOCA):***

- Bekerjasama dengan:
  - Sekretariat *ASEAN*
  - Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke *ASEAN*
  - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
  - Kementerian Kewangan dan Ekonomi
  - Sekretariat Kebangsaan Badan-Badan Sektoral di bawah *ASCC* Negara Brunei Darussalam

**Sekretariat Kebangsaan Badan-Badan Sektoral *ASCC* di bawah bidang teras KKBS:**

- *ASEAN Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (AMMSWD)*
- *ASEAN Ministers Meeting on Rural Development and Poverty Eradication (AMRDPE)*
- *ASEAN Ministerial Meeting on Women (AMMW)*
- *ASEAN Ministerial Meeting on Youth (AMMY)*
- *ASEAN Ministerial Meeting on Sports (AMMS)*
- *ASEAN Ministers Responsible for Culture & Arts (AMCA)*

Sekretariat Kebangsaan BIMP-EAGA bagi Kumpulan Kerja *Socio-Cultural and Education (SCE)*

## KERJASAMA DUA HALA

- Menjaga dan memperkukuhkan hubungan baik bersama negara-negara luar
- Menyumbang dalam merealisasikan dasar luar Negara Brunei Darussalam dalam perhubungan antarabangsa, iaitu persahabatan yang berpegang kepada prinsip-prinsip persamaan, kejujuran dan saling hormat-menghormati antara satu dengan lain, dan bebas daripada campur tangan dalam hal-ehwal dalam negeri masing-masing
- Pengukuhan kerjasama dalam bidang-bidang teras KKBS (Kebudayaan dan Kesenian, Kebeliaan, Kesukanan dan Kemasyarakatan) bersama negara-negara sahabat

## KERJASAMA DUA HALA

- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*)
- Komanwel (*Commonwealth*)
- Pertubuhan Kerjasama Islam (*OIC*)
- *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*
- Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (*APEC*)
- Mesyuarat Asia-Eropah (*ASEM*)
- Forum Kerjasama Asia Timur dengan Amerika Latin (*FEALAC*)
- Jawatankuasa Olimpia Antarabangsa *(IOC)*
- Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa *(IPC)*
- Majlis Olimpik Asia *(OCA)*
- Jawatankuasa Paralimpik Asia *(APC)*
- Persekutuan Sukan Antarabangsa *(NSF)*

# UNIT PERKEMBANGAN SUMBER MANUSIA

Merancang dan mengurus perkembangan sumber manusia melalui peningkatan kompetensi, penambahbaikan sistem dan proses kerja dengan mengutamakan nilai tambah. Matlamat utama adalah bagi memastikan pembudayaan prestasi dan produktiviti kerja yang tinggi serta memeduli kesejahteraan dan kebajikan warga kakitangan.

## FOKUS 2023/2024

### PENGOPTIMUMAN SUMBER SECARA EFEKTIF

- Memaksimakan penggunaan platform aplikasi pintar dan digital teknologi (Contoh: *Ofis Pintar*)
- Program Pelan Pelapis ( Pelan Penggantian) dan Kepimpinan
- Program Latihan Kemahiran Dalaman

### MEMAKSIMAKAN KERJASAMA RAKAN STRATEGIK

- Program Latihan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan dan Swasta

### MENAMBAH BAIK PEMBERIAN PERKHIDMATAN

- Pelaksanaan 53 inisiatif penambahbaikan dapatan hasil Kajian Fasa Kedua: Kesejahteraan dan Kebajikan
- Rangka Kerja Kompetensi KKBS
- Program BISAI

# Pengurusan Kewangan

> “Pegawalan perbelanjaan secara berhemat dan memantau hasil.”

SUT (PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN ESTET)

## TADBIR URUS KEWANGAN EFEKTIF

Belanjawan yang berhemah

- Prestasi belanjawan dan penggunaan secara optima dengan mengamalkan pemilikan, proses telus dan berkesan serta data berasaskan bukti.

## FOKUS

- Memastikan kawalan perbelanjaan, memantapkan pengurusan kewangan dan proses permohonan peruntukan yang telus, cekap dan cepat.

## Pencapaian Sasaran 2022/2023

81% Prestasi Perbelanjaan secara menyeluruh

>$420 ribu kutipan hasil

30 pencalonan daripada kementerian mengikuti kursus peraturan-peraturan kewangan

- Meningkatkan peratus pengawalan dan perbelanjaan sektor / bahagian / jabatan mengikut pelaksanaan program, aktiviti dan projek yang terancang
- Menyediakan anggaran belanjawan kementerian
- Mengkordinasi dan melaksanakan latihan kemahiran dan kesedaran dalam pengurusan kewangan

## FOKUS 2023/2024

### PENGOPTIMUMAN SUMBER SECARA EFEKTIF

- Latihan Pengurusan Kewangan (Bengkel, *Re/Up-skilling*)

### MENAMBAH BAIK PEMBERIAN PERKHIDMATAN

- *Program Performance Budgeting*
- Audit Kewangan

### MEMAKSIMAKAN KERJASAMA RAKAN STRATEGIK

- Latihan pengurusan, kemahiran dan perkongsian sumber maklumat

## PERKHIDMATAN DAN UNIT

- Pengurusan Kewangan
- Pembelian, Perolehan dan Pembayaran
- Hasil dan Tunggakan
- Belanjawan dan Rancangan Kemajuan Negara

## PRESTASI BELANJAWAN

- Sejumlah $84,337,983.00 dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) berjumlah $10,860,069 diluluskan bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2022/2023

**$84,337,983.00**

**Peruntukan yang diluluskan bagi Tahun Kewangan 2022/2023**

**19.2%**

Berbanding **$104,333,674.00** pada Tahun Kewangan 2021/2022 iaitu penurunan **19.2%.** Bagi Rancangan Kemajuan Negara, pembiayaan pada Tahun Kewangan 2022/2023 ialah sebanyak **$10,860,069** berbanding **$18,990,424.00** pada Tahun Kewangan **2021/2022**

- Perbelanjaan sehingga 31.03.2023 iaitu sebanyak **$68,388,384.00**
- Prestasi perbelanjaan menaik berbanding 78.32% perbelanjaan Tahun Kewangan 2021/2022 disebabkan oleh pengurangan aktiviti semasa situasi COVID-19

**PRESTASI PERBELANJAAN**

**81%**

- Trend perbelanjaan bagi 4 Tahun Kewangan







*Nota: Jumlah perbelanjaan Tahun Kewangan 2022/2023 hanya menunjukkan jumlah perkiraan secara prorata. Peralihan sistem lama kepada sistem digital, Sistem Sumber Manusia menyebabkan perkiraan gaji dan elaun perjalanan tidak menunjukkan jumlah perkiraan yang sebenar.

# PERBELANJAAN BAHAGIAN DAN JABATAN

Perbelanjaan peruntukan berulang-ulang bagi bahagian dan jabatan di bawah 5 bidang sektor Tahun Kewangan 2022/2023:

- Pecahan perbelanjaan antara lain memfokus kepada operasi, pembangunan kapasiti dan bantuan.
- Gaji kakitangan di bawah bidang sektor disatukan dalam laporan bagi Pentadbiran dan Kewangan, iaitu Merealisasikan Persekitaran Kerja Produktif dan Inklusif.

## 1. MEREALISASIKAN MASYARAKAT PROGRESIF




## 2. MEREALISASIKAN BELIA SIAGA MASA DEPAN






# PERBELANJAAN BAHAGIAN DAN JABATAN

Pecahan perbelanjaan peruntukan berulang-ulang bagi bahagian dan jabatan di bawah 5 bidang sektor Tahun Kewangan 2022/2023:

- Pecahan perbelanjaan antara lain memfokus kepada operasi, pembangunan kapasiti dan bantuan.
- Gaji kakitangan di bawah bidang Sektor disatukan dalam laporan bagi Pentadbiran dan Kewangan, iaitu Merealisasikan Persekitaran Kerja Produktif dan Inklusif.

## 3. MEREALISASIKAN NEGARA SUKAN YANG GEMILANG




## 4. MEREALISASIKAN BUDAYA DINAMIK DAN PENGUKUHAN WARISAN






# PEMELIHARAAN ASET DAN PRASARANA




- Peruntukan Pemeliharaan Aset dan Prasarana bagi Tahun Kewangan 2022/2023 ialah sebanyak **$6,601,717.68** iaitu penurunan sebanyak **8%** daripada Tahun Kewangan 2021/2022.
- Prestasi perbelanjaan secara menyeluruh ialah **61%**, iaitu sebanyak **$4 juta** dan berbaki **$2.6 juta** (**35.6% *preventive*** dan **25.7% *corrective***).
- Perbelanjaan adalah lebih menjurus kepada *preventive maintenance*, sama dengan Tahun Kewangan 2021/2022, iaitu 26% *preventive* dan 25% *corrective.*
- Sebagai hala tuju, kementerian perlu terus untuk memfokuskan kepada kerja-kerja *preventive maintenance* melalui pengemaskinian kontrak-kontrak pemeliharaan aset serta pengurusan aset yang lebih terancang.

| Business Unit | Preventive Maintenance | Corrective Maintenance | Baki peruntukan |
|---|---|---|---|
| KKBS (SL01A) | $567,651.86 | $377,390.45 | $21,045.49 |
| DBP (SL02A) | $28,696.00 | $222,014.80 | $129,910.20 |
| JBS (SL03A) | $1,328,064.83 | $698,801.17 | $1,245,279.98 |
| JMM (SL04A) | $318,421.70 | $157,564.00 | $716,129.30 |
| PSB (SL05A) | $61,801.30 | - | $22,198.70 |
| JAPEM (SL06A) | $48,275.00 | $238,509.69 | $419,963.19 |
| Jumlah Keseluruhan | **$2,352,910.71** | **$1,694,280.11** | **$2,554,526.86** |



## KUTIPAN HASIL

- Yuran Caj dan Sewa
- Lain-lain hasil




- Jumlah kutipan hasil bagi Tahun Kewangan 2022/2023 secara keseluruhannya ialah **$432 ribu** ($431,845.07).

- Jabatan Belia dan Sukan masih penyumbang utama. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan yang sangat ketara, iaitu sebanyak **44.1%** .

- Terdapat penyelarasan pada jumlah hasil dengan mengikut anggaran peruntukan Tahun Kewangan 2019/2020, 2020/2021 dan 2021/2022 seperti berikut:

“Wang kutipan hendaklah dimasukkan ke akaun kerajaan (bank) dengan segera setiap hari atau ke Jabatan Perbendaharaan.”

PK 183

| Business Unit | 2019/2020 | 2020/2021 | 2021/2022 |
|---|---|---|---|
| KKBS (SLO1A) | $47,183.65 | $121,945.25 | $44,695.21 |
| DBP (SLO2A) | $85,760.88 | $85,766.92 | $58,632.95 |
| JBS (SLO3A) | $607,032.63 | $714,430.01 | $287,846.10 |
| JMM (SLO4A) | $65,147.47 | $11,456.17 | $12,819.48 |
| PSB (SLO5A) | $26,073.44 | $13,013.18 | $22,615.67 |
| JAPEM (SLO6A) | $107,386.36 | $93,255.69 | $90,621.86 |

*Data yang dikemaskini

# RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA

Tumpuan bagi projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11 adalah untuk:

- Membaik pulih, menambah baik dan menaik taraf kemudahan bangunan bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan serta meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan kakitangan, klien dan awam.

## STATUS PERLAKSANAAN PROJEK DI BAWAH RKN-11

- Kos rancangan pembiayaan bagi semua projek berjumlah **$35.5 juta.**
- Sebanyak **hampir $14.5 juta** ($14.45 juta) telah diluluskan pada Tahun Kewangan 2021/2022.
- **64%** daripada peruntukan sudah dibelanjakan bagi projek:
    - Fasa ke-2 Menaik taraf Stadium Negara Hassanal Bolkiah sebanyak **$10.64 juta.**
    - Membina bangunan baharu Unit Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan sebanyak **$1.5 juta.**
    - Membaik pulih dan menaik taraf bangunan Muzium Brunei dan bangunan Pameran, Kota Batu sebanyak **$4.7 juta.**
    - Slope protection dan kerja menaik taraf Jalan OBBD di Kem Batang Duri sebanyak **$258 ribu.**

**$20 juta**

**Fasa Kedua Menaik Taraf Stadium Negara Hassanal Bolkiah**

**$1.7 juta**

***Slope Protection*** dan Kerja Menaik Taraf Jalan OBBD di Kem Batang Duri, Temburong

**$1.8 juta**

Membina Bangunan Baharu Unit Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan

Menaik taraf Bangunan Galeri Seni. Projek diambil alih oleh Brunei Shell Petroleum Company Sdn.Bhd.

**$12 juta**

**Membaik Pulih dan Menaik Taraf Bangunan Muzium Brunei dan Bangunan Pameran, Kota Batu**

# BIDANG SEKTOR

# MASYARAKAT PROGRESIF

Meningkatkan Kemandirian Golongan Sasaran





> "...Kita juga tidak wajar terlepas pandangan dengan melupakan peranan insititusi keluarga melalui keluarga yang bahagia lagi sempurna. Tidak diragukan lagi adalah mampu untuk mengatasi pelbagai isu social dengan lebih berkesan.oleh itu, agensi-agensi kerajaan terutamanya yang bertanggunjawab menangani isu-isu social dan kesahteraan perlulah menumpukan usaha mereka bagi merangka dasar-dasar dan perancangan pengukuhan institusi keluarga Itu."

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-LAPAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA HARI SABTU, 10 RABIULAKHIR 1433H BERSAMAAN DENGAN 3 MAC 2012M











## CERITA KEJAYAAN UTAMA KAMI:

- **Lebih 1,356 golongan sasaran** mengikuti pelbagai **aktiviti dan Program Kemahiran dan Keusahawanan** (Latihan Kemahiran 158 & Keusahawanan 36 (Penerima Bantuan), 460 Warga Emas dan 702 OKU) seperti kerjasama DARe dan LiveWIRE Brunei
- **287 golongan sasaran** mendapat pekerjaan di bawah Program Pelan Pekerjaan dan Program TEKAD-Pekerjaan (75+37+49=161 OKU & 126 penerima BKB)
- **5 anak-anak penerima BKB** mengikuti **Program Tadribat Maharah** dengan diberikan elaun **$18 sehari** dan **3 orang** mengikuti **Program Inovasi Belia Berwawasan (PIBB)**
- **Lebih $128 ribu** bantuan kewangan diberikan kepada 37 buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs)
- **249 warga emas di bawah Program Pemedulian Warga Emas** seperti bantuan menghadiri janji temu doktor,(15 dari Heart Volunteer & 40 Bantuan Perubatan Yayasan) bantuan lampin pakai buang,(76 Bantuan In- Kind) dan pemedulian warga emas berumur 100 tahun ke atas (118 bagi Life Long Learning (L3C).

# 04 MASYARAKAT PROGRESIF

Pencapaian Melalui Pendekatan Senegara 2022/2023

Mengukuhkan ekosistem masyarakat yang memberi akses bagi individu kepada:

2] Perkembangan inovasi dan penyediaan digital dan platform aplikasi pintar.

3] Peningkatan tadbir urus Kebeliaan yang efisien, efektif dan mampan.

## PENSEJAJARAN SISTEM DAN PROSES - APLIKASI MENGALINGA

Dilancarkan pada 7 Ogos 2021

Objektif:

- Memantau pelaksanaan program, jumlah penyertaan dan pendaftaran sukarelawan.
- Menggalakkan penyertaan aktif orang ramai sebagai sukarelawan.
- Memperkukuhkan budaya perpaduan dan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat.
- Memberikan kemudahan dan akses kepada aktiviti dan program kesukarelawanan.
- Memberikan platform pintar bagi penyediaan serta pengurusan Program Kesukarelawanan.

## HALA TUJU

- 10,000 Sukarelawan berdaftar menjelang 2022.
- 200 Organisasi berdaftar.
- 200 Program kesukarelawanan dilaksanakan melalui Mengalinga menjelang 2022.
- 10 individu yang diberikan pengiktirafan sebagai Trailblazers.
- 10 Organisasi diberikan penghargaan sebagai Highflyers.

Peningkatan sebanyak 356% sejak pelancarannya yang berlangsung pada **7 Ogos 2021** dengan **336 pengguna.** Jumlah sukarelawan secara keseluruhan yang terkini seramai **2,358.**




200
Organisasi berdaftar
→
179
Tidak mencapai sasaran

200
Program kesukarelawan
→
390
Melebihi sasaran

10,000
Sukarelawan berdaftar
→
13,208
Melebihi sasaran

Muat turun dan individu berdaftar Ogos 2021- Mac 2022:

3,192
Muat turun
Mac 2022
→
5,090
Muat turun
Mac 2023

1,925
Individu berdaftar
→
3,208
Individu berdaftar
Mac 2022

## PENSEJAJARAN SISTEM DAN PROSES - YSNET

- SISTEM *YOUTH AND SPORTS NET* (YSNet) telah diperkenalkan oleh orang ramai pada 3 Ogos 2019 sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-14

- Ia dihasratkan untuk digunakan sebagai perkhidmatan secara dalam talian yang disediakan oleh Jabatan Belia dan Sukan, KKBS sebagai satu platform bagi pengumpulan data bagi belia-belia, dan sistem ini juga digunakan untuk membukakan pendaftaran bagi aktiviti-aktiviti kebeliaan dan kesukanan kepada orang awam.

## CABARAN

- Isu pendaftaran dan Pengaktifan Akaun e-Darussalam.

- Pandangan pengguna dan Modul Admin:

  - Sistem YSNet kurang mesra untuk digunakan.

  - Proses pendaftaran yang rumit dan memakan masa.

**Pendaftaran dan Pengambilan pelatih pelatih bagi Program PKBN**




- Pendaftaran PKBN bagi Pengambilan ke-9 pada tahun 2020, Pengambilan ke-10 pada tahun 2021, dan Pengambilan ke-11 pada tahun 2022 masih dibukakan melalui 2 kaedah, iaitu melalui pendaftaran secara dalam talian dan Borang Pendaftaran (*hardcopy*)

**Pendaftaran Program/Aktiviti yang dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan**




- Pendaftaran bagi program/aktiviti yang dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan melalui Bahagian Belia masih lagi menggunakan kaedah pendaftaran secara dalam talian melalui 2 platform, iaitu YSNET dan *Google Form*

- Laman web YSNet tidak lagi aktif dan hanya digunakan untuk pendaftaran PKBN sahaja.

## PENGGUNAAN KEMUDAHAN DAN SUMBER

Skop di bawah bidang fokus penggunaan emudahan dan sumber termasuk:

- Pengoptimuman aset, kemudahan, fasiliti dan sumber.
- Persekitaran kerja yang kondusif dan inklusif
- Pusat kecemerlangan.

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam.
- Meningkatkan produktiviti negara.

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 20% peningkatan penyatuan aset.
- 3 pusat kecemerlangan.
- 20% peningkatan perkhidmatan yang memfokus kepada pelanggan.
- Pengoptimuman 5 kemudahan bagi pembangunan sektor melalui Kerjasama Awam Swasta *(PPP)* atau penyumberluaran *(outsourcing).*
- 30% peningkatan penghunian / penggunaan kemudahan untuk melaksanakan program inklusif.

## Trend dan Pencapaian Bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023

### 1. Penggunaan Pusat Belia di semua Daerah




- Penggunaan kemudahan dan fasiliti Pusat Belia di semua daerah secara keseluruhannya menunjukkan tren peningkatan sebanyak 42%, iaitu daripada **43,139** pada tahun 2021/2022 kepada **61,129** bagi tahun 2022/2023 disebabkan pembukaan semula kompleks-kompleks sukan termasuk pusat-pusat belia setelah fasa endemik COVID-19.

### 2. Penghuni Asrama Pusat Belia




| | Hasil |
|---|---|
| 2019/2020 | >$14 Ribu |
| 2020/2021 | >$2 Ribu |
| 2021/2022 | >$1 Ribu |
| 2022/2023 | >$4 Ribu |

- Penghuni asrama hostel menunjukkan tidak banyak perubahan yang ketara bagi 4 Tahun Kewangan dengan purata **575** penghuni setahun. Kutipan hasil asrama bagi Tahun Kewangan 2019/2020 menunjukkan prestasi kewangan yang positif dengan jumlah **lebih $14 ribu**. Bagaimanapun, penutupan asrama yang berlaku semasa situasi COVID-19 gelobong pertama dan kedua menjejaskan kutipan hasil pada Tahun Kewangan 2020/2021 dan 2021/2022 dengan purata **$1,500** setahun. Pada Tahun Kewangan 2022/2023, pembukaan semula asrama asrama dibuka semula setelah fasa endemik COVID-19 dan menghasilka lebih **$4 ribu.**

## 3. Penggunaan Fasiliti *Shared Kitchen*, Pusat Belia




- Penggunaan fasiliti *shared kitchen* meningkat mengikut permintaan penyediaan makanan. Jam penggunaan menurun **84%** bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021;
- Kutipan hasil pada Tahun Kewangan 2020/2021 mencatat yang tertinggi dengan **lebih $1,600** manakala Tahun Kewangan 2022/2023 adalah sebanyak $330 di mana kemudahan tersebut hanya digunakan pada bulan April dan Mei 2022 saja.
- *Shared Kitchen* tidak lagi beroperasi disebabkan kontrak bersama syarikat sebelum ini telah tamat.

| | Hasil |
|---|---|
| 2019/2020 | $564 |
| 2020/2021 | $1,648 |
| 2021/2022 | $1,233 |
| 2022/2023 | $330 |

### INISIATIF UTAMA:

Pengoptimuman kemudahan dan sumber secara efektif yang memfokus kepada:

1] Penyediaan platform bagi memantapkan Program Pembangunan Kapasiti Belia.

2] Pusat Belia sebagai Pusat Kecemerlangan bagi pembangunan latihan kemahiran, rangkaian dan pusat sumber.

3] Peningkatan aktiviti dan program diterajui oleh persatuan dan pergerakan belia.

## RAKAN STRATEGIK

Skop di bawah bidang fokus Rakan Strategik termasuk:

- Jalinan kerjasama pihak yang berkepentingan melalui pendekatan senegara.
- Pembangunan kapasiti, perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran.
- Tanggungjawab Sosial Korporat *(CSR).*

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam.
- Meningkatkan produktiviti negara.
- Menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable.*

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 100% program dengan kerjasama rakan strategik.
- 3 peningkatan aktiviti kesukarelawan.
- 40% peningkatan inisiatif yang diterajui belia (dan penyertaan).
- 40% peningkatan aktiviti kesukarelawanan.

## Trend dan Pencapaian Bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023

- Pendekatan jalinan kerjasama dan kolaborasi jauh meningkat daripada 4 pada tahun kewangan 2019/2020 kepada 50 jenis jalinan kerjasama. Ini menjurus kepada untuk mencapai sasaran perlaksanaan 100% program dengan kerjasama rakan strategik seperti dalam bidang pembangunan kapasiti dan pengukuhan jati diri belia.




| | | |
|---|---|---|
| KERJASAMA DENGAN KERAJAAN DAN PERSATUAN | • Perlaksanaan DBNS 2020-2024 | ➢ **67%** perlaksanaan aktiviti dan program |
| | • Kempen Hari Bertindak | ➢ **6,250** Belia terlibat berbanding **9,873** tahun 2021 |
| | • Wira Fajar bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama | ➢ **270** Belia terlibat berbanding **634** pada tahun 2021 |
| | • Bantuan tapak tanah dan pembangunan kapasiti bersama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan | ➢ **55** hektar tanah |
| | • Program Belia Cinta Tanah Air Bersama Persatuan BERSATU | ➢ **15** aktiviti dengan Penglibatan **60** belia berbanding **12** aktiviti dan **63** belia pada tahun 2021 |
| | • *YAG, YPN, Youth Advocates* dan Kementerian Kesihatan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan | ➢ Program Kepimpinan dan Mentor, Pemberigaan mengenai DBNS, Kesejahteraan dan Kesihatan Minda dengan penglibatan hampir **6,000** Belia |

> Betapa pentingnya belia pada sesebuah negara adalah terletak pada peranan belia sebagai pemacu kemajuan pembangunan negara pada masa depan.
>
> SUT (PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN ESTET)

| | | |
|---|---|---|
| KERJASAMA DENGAN SWASTA | • Bantuan kerja-kerja tanah bagi Program Pertanian dan Perladangan melalui Tanggungjawab Sosial Korporat *(CSR)* | ➢ **34 hektar** jumlah kerja-kerja tanah |
| | • Hari Belia Kebangsaan | ➢ $137,135.50 bagi 2022 |
| | • Aplikasi MENGALINGA bersama Bank Baiduri | ➢ $15,000 |
| | • PPB-Aewon Garment Incubation Centre di Pusat Pembangunan Belia (PPB) | ➢ $200,000 (one-off 2021) |

**INISIATIF UTAMA:**

1] **Memantapkan ekosistem pembangunan belia melalui pendekatan senegara secara efektif dan berimpak yang memfokus kepada:**

2] **Peningkatan kebolehpasaran belia untuk peluang pekerjaan, aktiviti keusahawanan dan melanjutkan latihan kemahiran.**

3] **Peningkatan pendekatan Tanggungjawab Sosial Korporat *(CSR)* dalam perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran.**

4] **Perkembangan kepimpinan, pengukuhan jati diri, berdaya tahan, kesukarelawanan dan akhlak kebruneian.**

## SUKARELAWAN BELIA

Penubuhan Sukarelawan Belia pada Mac 2020, telah sama menangani serta membantu pihak kerajaan dengan berimpak tinggi:

- Penglibatan seluruh agensi dalam sama - sama menghulurkan bantuan baik dalam bentuk khidmat tenaga atau material. Antara agensi yang turut membantu seperti Majlis Belia Brunei, Persekutuan Pengakap, Persatuan Kereta Tahan Lasak Brunei dan Alumni Program Khidmat Bakti Negara.

- Membantu golongan susah melalui inisiatif **Sumbangan Pandu Lalu** catuan makanan.

- Pengurangan jumlah pelaksanaan Pusat Operasi disebabkan oleh pengurangan keperluan bagi pandemik COVID-19 secara drastik

## STATISTIK

- **897** orang sukarelawan berdaftar pada tahun 2022/2023 berbanding dengan tahun sebelumnya Pengurangan **90%** peratus berbanding pada tahun 2021-2022.

- Melalui kerjasama kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs), membantu mengagihkan catuan makanan kepada lebih 64,220 buah rumah yang merangkumi hampir 325,000 individu yang menjalani Perintah Kuarantin sejak bulan Ogos 2021 hingga ke hari ini.

> "Memacu perkembangan aktiviti kesukarelawanan melalui penglibatan semua lapisan masyarakat ke arah mengukuhkan budaya perpaduan dan meningkatkan kerjasama seluruh negara."

- Keseluruhan Sukarelawan yang bertugas bagi Tahun Kewangan 2022/2023 adalah 8,134 sukarelawan

- Pengarahan bantuan ke 37,012 buah rumah daripada April 2022 sehingga November 2022.

**273,032**
**Jumlah Pengerahan**

## Tempat-tempat pengerahan sukarelawan

- Hospital dan Pusat Perubatan, seperti:
  - Pusat Perkembangan Kanak-Kanak
  - Pusat Kesihatan
  - Pengesanan kontak COVID-19
  - Pusat swab pandu lalu
  - Pusat Dialisis
  - Pusat Vaksinasi

- Pusat Catuan Makanan (HQI)
  - Pusat derma
  - ART Station KKBS
  - Brunei International Airport
  - Comquest, 1st Flr, Annajat Complex, Beribi
  - AK ICC – Patient Monitoring Team
  - Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujung Jalan, Temburong
  - DONCEN (Menglait Sports Complex) (Logistics)
  - MOHEOC Pusat Perkhidmatan Farmasi
  - NDMC
  - Pusat Pengasingan dan Kuarantin
  - Masjid-masjid, surau-surau and Balai Ibadat
  - Pusat Operasi (Seluruh Daerah, MOHEOC ICC & MPH, RIPASH, SCOUT Building)
  - Pos Kawalan Imigresen Labu Temburong

- Acara Kebangsaan
  - Doa Kesyukuran
  - Hari Kebangsaan
  - Israk Mikraj
  - Nuzul Al-Quran
  - Doa Kesyukuran Hari Keputeraan
  - Perkahwinan Diraja:
    - 20 hari di Assara
    - Sebelum dan Semasa Perkahwinan Diraja
  - Musabaqah (3 malam)
  - Pengagihan Daging Korban Sunat Aidil Adha KDYMM & Kerabat Diraja
  - Pengagihan Kurma Peribadi KDYMM Doa Kesyukuran Hari Keputeraan

## KERJASAMA AWAM SWASTA *(PPP)* DAN PENYUMBERLUARAN *(OUTSOURCING)*

Skop di bawah bidang fokus kerjasama wam swasta dan peyumberluaran (*Outsourcing*) termasuk:

- Program Konsolidasi Fiskal (FCP).
- Peningkatan keberkesanan operasi dan produktiviti.
- Pembangunan kemudahan bagi program inklusif.

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam.
- Meningkatkan produktiviti negara.

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 20% peningkatan penyatuan aset.
- 3 pusat kecemerlangan.
- Pengoptimuman 5 kemudahan bagi pembangunan sektor melalui kerjasama awam swasta *(PPP)* atau penyumberluaran *(Outsourcing).*

## Trend dan Pencapaian Bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023

### OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)

- Penswastaan Pengurusan dan Operasi Kompleks OBBD, Kem Belalong OBBD

- Semakan semula dokumen *Request For Tender* 07.03.2022
- Tertakluk kepada perbincangan hasil semakan semula dan ketetapan, projek dicadangkan untuk dilaksanakan pada bulan Julai/Ogos 2022
- Masih didalam proses penelitian

### PENYUMBERLUARAN *(OUTSOURCING)* TEMPAT / FASILITI

- Penyewaan tempat / fasiliti kemudahan bagi aktiviti keusahawanan

- *Shared Kitchen*
  Hasil penyewaan $330
  Penggunaan 160 Jam
  Pengunjung seramai 6 orang
  (Hanya digunakan pada bulan April (4) dan Mei (2) 2022)
- Pengunjung terdiri daripada kumpulan belia dan peniaga kecil
- Tidak lagi beroperasi

`

## PRESTASI PERBELANJAAN

Skop di bawah Prestasi Perbelanjaan bagi Belia Siaga Masa Depan adalah:

- Program Pembangunan Kapasiti.
- Bantuan Pembangunan Belia.
- Bantuan Pembangunan Keusahawanan Belia.

**Trend dan Pencapaian bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023**

Rumusan:

- Impak situasi COVID-19 gelombang pertama dan kedua sepanjang tahun 2020-2021 kepada penurunan hasil dan penggunaan

### 1. Program Pembangunan Kapasiti




- **Penggunaan menunjukkan peningkatan 823%** setelah sekatan COVID-19 ditarik balik pada November 2021.

### 2. Bantuan Pembangunan Belia




- **Menunjukkan peningkatan penggunaan 87%** yang diberikan kepada **2** persatuan berbanding **3** persatuan pada Tahun Kewangan 2021/2022.

### 3. Bantuan Keusahawanan Belia




- **Menunjukkan peningkatan jumlah bantuan 614%** berbanding tahun kewangan sebelumnya.
- Bantuan ini akan diberikan kepada **9** buah syarikat berbanding **4** buah syarikat pada Tahun Kewangan 2021/2020
- Namun, bantuan tersebut belum digunakan sebabk syarikat-syarikat tersebut masih dalam proses penelitian.

## BAHAGIAN DAN JABATAN DI BAWAH SEKTOR KEBELIAAN

Skop di bawah bidang fokus Sektor Kebeliaan termasuk:

- Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan
- Bahagian Khidmat Bakti Negara
- Jabatan Belia dan Sukan
- Pusat Pembangunan Belia
- Outward Bound Brunei Darussalam

## MISI

Mewujudkan ekosistem pembangunan belia yang dinamik, mampan dan inklusif kepada belia untuk:

- Melibatkan diri dalam pembentukan dasar dan membuat keputusan.
- Mencapai Kecemerlangan yang tinggi dalam ilmu pengetahuan dan kemahiran.
- Mengukuhkan nilai teras Kebruneian yang positif

## PENAMBAHBAIKAN DAN HALA TUJU 2023/2024

Bagi merealisasikan pencapaian visi Belia Siaga Masa Depan dan mendukung tema belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024, iaitu Memperkasa Kesejahteraan Awam ke Arah SosioEkonomi Yang Lebih Berdaya Tahan, Sektor Kebeliaan telah merancang hala tuju untuk meneruskan pendekatan Pengupayaan, Pemerkasaan dan Penglibatan ($P^3$). Kementerian memfokuskan perlaksanaan Pelan Strategik KKBS 2020-2024 kepada 3 inisiatif utama, iaitu:

### PENGOPTIMUMAN SUMBER SECARA EFEKTIF

- Pusat Pembangunan Belia sebagai Pusat Kecemerlangan bagi elia dan komuniti
- Hala tuju bagi Akademi Belia, Hab Belia dan Pusat Belia seluruh daerah
- Peningkatan kebolehpasaran bidang skop industri kreatif

### MENAMBAHBAIK PEMBERIAN PERKHIDMATAN

- Rangka Kerja Kecekapan Kerja Belia
- *Youth Entrepreneurship Strategy and Plan of Action for Brunei Darussalam*
- Pengemaskinian dan penstrukturan semula Jabatan Belia dan Sukan
- Meluaskan skop dan memperbanyakan peluang program memulakan perniagaan termasuk di pedalaman dan luar bandar

### MEMAKSIMAKAN KERJASAMA STRATEGIK

- Peningkatan pendekatan Tanggungjawab Sosial Korporat *(CSR)* dalam perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran termasuk industri kreatif, inovasi, digital dan aplikasi pintar
- Meneruskan program Forum Belia, Youth Town Hall dan Konvensyen Belia Brunei

# NEGARA SUKAN YANG GEMILANG

Mengembangmajukan Pembangunan Sukan





> “Beta suka mengingatkan bahawa “keharuman” nama Negara Brunei Darussalam memang sudah sedia ada,walaupun tanpa meraih sebarang pingat. Tetapi yang lebih penting bagi kita bukanlah mengejar pingat,bahkan sangat utama ialah “Menjaga Nama Baik Negara” dalam apa bentuk tindak tanduk atau aktiviti kita.”

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KALI KE-17













## CERITA KEJAYAAN UTAMA KAMI:

- **Lebih 44 ribu peserta** mengikuti **498 aktiviti dan program kesukanan**
- **859 atlet skim**
- **Lebih 602 ribu pengguna** kompleks sukan secara keseluruhan di semua daerah
- **Penyediaan tempat bagi *e-sports*** dengan bantuan kewangan **lebih $28 ribu**
- **Lebih $392 ribu** bantuan kewangan kepada **17 W**

# 06 NEGARA SUKAN YANG GEMILANG

Mengukuhkan ekosistem kemajuan sukan dan memberi akses bagi individu kepada:

- Pembangunan keupayaan
- Pembangunan sukan
- Bakat sukan
- Kesejahteraan masyarakat

## FOKUS

- Fokus Sektor Kesukanan adalah untuk memperkasakan sukan kepada masyarakat dan memastikan pembangunan dan persediaan prasarana sukan termasuk atlet, kejurulatihan, fasiliti sukan dan tadbir urus sukan berprestasi tinggi bagi menghadapi sukan-sukan bertaraf serantau dan antarabangsa.
- Dasar Sukan Negara menjadi asas kepada segala inisiatif yang dilaksanakan.

## PENCAPAIAN PRESTASI PERLAKSANAAN DASAR SUKAN NEGARA

**30%** dari **10** inisiatif telah dan sedang dilaksanakan

- Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS)
- Program Pingat Sukan SEA
- Program Biasiswa Sukan
- Penaiktarafan Stadium Negara Hassanal Bolkiah (FASA 2)
- Institut Sukan Negara Brunei Darussalam
- Sukan Berprestasi Tinggi
- Perubatan Sains Sukan
- Yayasan Sukan Negara
- National Training Centres (Sports Specific)
- Pengukuhan Ekosistem Pembangunan Atlet dari Akar Umbi

## Pencapaian Melalui Pendekatan Senegara 2022/2023

### 1. Pembangunan Atlet Negara

**28** TID peserta yang lulus dan dikenalpasti berpotensi untuk diserapkan ke Skim Latihan JBS dan Centre of Training (COT) dibawah JPKK Kementerian Pendidikan

- Sekolah Menengah Lambak Kiri (11)
- Sekolah Menengah Katok (3)
- Sekolah Menengah PAP Masna (21)
- Maktab SOAS (9)

**Biasiswa Sukan**

**Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan. Setakat ini seorang atlet Wushu telah menerima Skim Biasiswa Sukan bagi melanjutkan pelajaran**

**Atlet PARA** — **7** Atlet para dikenalpasti sebagai atlet kebangsaan dengan mempunyai 23 pelapis dan 30 atlet pembangunan

### 2. Kesejahteraan Masyarakat

**>43 Ribu**

**Peserta terlibat dalam 110 program sukan masyarakat berbetuk persendirian dan *event management* yang dijalankan, daripada 498 program yang dirancang**

## PERANCANGAN KE HADAPAN:

1] Pembangunan ekosistem sukan yang inklusif dan cemerlang.

2] Pemerkasaan dan pengupayaan sukan untuk masyarakat ke arah negara sukan yang gemilang.

3] Penglibatan senegara dalam pembangunan sukan.

## PENCAPAIAN PRESTASI UTAMA

- Penubuhan Ahli Jawatankuasa Perlaksana Institut Sukan Brunei Darussalam (BDIS).
- Memfokuskan kepada sukan berprestasi tinggi yang berpotensi untuk memenangi pingat di kejohanan serantau dan antarabangsa.
- Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) dikaji semula dari segi ganjaran kemenangan.
- Penggunaan kompleks sukan melalui *shared facilities* dalam menangani situasi COVID-19.
- Pembaikan dan Penaiktarafan Stadium Negara Hassanal Bolkiah Fasa 2.

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 100% program kerjasama rakan strategik.
- 3 pusat kecemerlangan.
- 40% peningkatan inisiatif diterajui oleh masyarakat (dan penyertaan).
- 30% peningkatan penghunian / penggunaan kemudahan untuk melaksanakan program inklusif

## Pencapaian Sektor Kesukanan KKBS 2022/2023

SASARAN

647
Skim Atlet

859
Melebihi sasaran

- Purata jumlah atlet skim tahun 2022/2023 ialah 800 peserta
  - Bulan Januari mencatat jumlah skim atlet tertinggi dengan 931 peserta

SASARAN

100
Peserta Bakat Talent Identification

28
Tidak mencapai sasaran

- 4 buah sekolah saja dijalankan TID dan 28 peserta berpotensi daripada 44 peserta
- Sekolah Menengah Lambak Kiri
- Sekolah Menengah Katok
- Sekolah Menengah PAP Masna
- Maktab SOAS

SASARAN

100
Program Sukan untuk Masyarakat

110
Melebihi sasaran

- Program dianjurkan Persatuan Sukan, JBS, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Swasta

SASARAN

44 Ribu
Peserta Sukan Masyarakat

41,930
Tidak mencapai sasaran

- Pencapaian lebih kurang daripada sasaran:
  - 2019/2020; 14,175 peserta
  - 2020/2021; 220 peserta
  - 2021/2022: 31,174 peserta

## PEMBANGUNAN KAPASITI

Skop di bawah bidang fokus Pembangunan Kapasiti termasuk:

- Latihan kemahiran, kepimpinan dan *mindset*.
- Program kecergasan dan latihan.
- Program persijilan jurulatih tempatan.
- Aktiviti kesukanan.

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam.
- Meningkatkan produktiviti negara.
- Menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable*.

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 10% peningkatan inovasi
- 40% peningkatan inisiatif yang diterajui masyarakat (dan penyertaan)
- 30% peningkatan kerjasama penyelidikan berfokus

"... mencapai kecemerlangan dalam sukan yang kompetitif, kemajuan dalam pembangunan sukan dan kesejahteraan masyarakat."

**Trend dan Pencapaian bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023**




- Pembangunan kapasiti secara keseluruhannya menunjukkan trend peningkatan sejak 4 tahun kewangan dengan jumlah kumulatif **102,869** peserta ;
- Tahun 2022/2023 mencatat jumlah tertinggi bagi pembangunan kapasiti secara menyeluruh iaitu dengan mencatat sebanyak **43,942** peserta berbanding tahun-tahun sebelumnya, dengan penglibatan sukan masyarakat menjadi penyumbang utama dengan **41,930** peserta.
- 3 program menjadi fokus utama iaitu:
  - **27** aktiviti Program Latihan Kemahiran bagi meningkatkan keupayaan atlet dengan penyertaan **5,905** peserta;
  - **40** aktiviti Program Pembentukan Jati Diri dan Kepimpinan dengan lebih **2,500** peserta; dan
  - **275** aktiviti penglibatan sukan untuk masyarakat pada Tahun Kewangan 2022/2023, dengan jumlah kumulatif penyertaan melebihi **87 ribu** peserta bagi 4 tahun.

**>43 Ribu**
**110 Aktiviti dilaksanakan**

## Pencapaian KKBS 2022/2023

Diberikan kepada **17 persatuan sukan kebangsaan (PSK)** berbanding $156,395 bagi 13 PSK pada Tahun Kewangan 2021/2022 bagi latihan intensif diluar negeri,kejohanan serantau dan antarabangsa serta pembelian peralatan

**$392,624**
BANTUAN KEWANGAN

Mengikuti **110 Program Sukan Masyarakat** daripada program persendirian dan *Event Management*

**43,602**
PESERTA

- 11 jurulatih kebangsaan
- 17 jurulatih pembangunan.

**25**
JURULATIH BAGI 12 ACARA SUKAN

**859**
SKIM ATLET

Penurunan sebanyak 33% dari Tahun Kewangan 2021/2022.

### PEMBANGUNAN KAPASITI

**602,269**
PENGGUNA

Penurunan 5% bagi penggunaan kompleks-kompleks sukan secara keseluruhan di semua daerah disebabkan pemeliharaan berbanding 636,851 pada Tahun Kewangan 2021/2022

**85**
PESERTA

Bakat Sukan *Program Talent Identification* dikenal pasti dari 4 buah sekolah sahaja

**964**
ATLET PELAPIS DAN KEBANGSAAN

16 Sukan terpilih

**80**
PESERTA

Kebangsaan: 7
Pembangunan: 30
Pelapis: 23
Sukan yang disertai:
- Olahraga
- Tenpin Bowling
- Badminton

### INISIATIF UTAMA:

Meningkatkan kerjasama strategik melalui pendekatan senegara secara efektif dan berimpak yang memfokus kepada:

1] Atlet dan dorongan jurulatih untuk meningkatkan daya saing prestasi atlet.

2] Menjana dan mengenal pasti bakat-bakat dalam arena sukan.

3] Pembangunan sukan untuk masyarakat bagi meningkatkan kesejahteraan dan pengamalan gaya hidup sihat.

## PERKEMBANGAN *E-SPORTS*

- Penyediaan platform dan program bagi mendukung inisiatif *e-Sports*.
- Penyediaan tempat pengurusan dan latihan *e-Sports* di Kompleks Sukan Menglait.

**$15 Ribu**
**bagi pembelian peralatan**

Tidak termasuk kos penambahbaikan tempat berjumlah melebihi $13 ribu

- Bantuan bagi penganjuran kejohanan

| | |
|---|---|
| 36th National Cup 2019 | $7.5 Ribu |
| The Pilot Cup 2019 | $3 Ribu |
| *E-Sports* Championship Brunei 2020 | $6 Ribu |

Tahun Kewangan 2022/2023

- 17 PERSATUAN

**$393 Ribu** JUMLAH BANTUAN

**$14 Ribu** BAGI PEMBELIAN PERALATAN

**$223 Ribu** BAGI KEJOHANAN

**$156 Ribu** BAGI MENYERTAI KURSUS DAN LATIHAN

## BANTUAN KEWANGAN KEPADA PERSATUAN

| | Jumlah bantuan | Kejohanan | Kursus dan Latihan | Pembelian Peralatan |
|---|---|---|---|---|
| 2019/2020 | $540 Ribu | $253 Ribu | $176 Ribu | $111 Ribu |
| 2020/2021 | $50 ribu | $7 Ribu | $2 Ribu | $40 Ribu |
| 2021/2022 | $160 Ribu | $27 Ribu | $156 Ribu | $14 Ribu |
| 2022/2023 | $393 Ribu | $223 Ribu | $156 Ribu | $14 Ribu |

- Lebih daripada $1.2 Juta bantuan telah diberikan kepada persatuan-persatuan sejak Tahun Kewangan 2019/2020, yang diguna pakai bagi penyertaan dan penganjuran aktiviti-aktiviti kejohanan, kursus, latihan dan juga pembelian peralatan.

## PENSEJAJARAN SISTEM DAN PROSES

Skop di bawah bidang fokus Pensejajaran Sistem dan Proses termasuk:

- Tadbir urus, integriti, kualiti, efisien dan tepat.
- Kecekapan dan profesionalisme.
- Teknologi dan aplikasi pintar.
- Akta, dasar dan garis panduan

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan Infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam
- Meningkatkan produktiviti negara
- Menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable*

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 20% peningkatan perkhidmatan yang memfokus kepada pelanggan.
- 60% proses kerja menggunakan teknologi digital.
- 100% penambahbaikan masa proses dan menunggu.
- 80% klien berpuas hati dengan Perkhidmatan.

## Trend dan Pencapaian bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023

**2019**
- Penelitian skim penggalak
- Kecemerlangan Sukan (SPKS)
- Penelitian Program Emas Sukan SEA (PPSS)

**2020**
- Menyatupadukan Pusat Penyelidikan dan Perubatan Sukan, Unit Prestasi Tinggi dan Unit kejurulatihan dan pembangunan Sukan di Bangunan lama PKBN, Anggerek Desa
- Penilaian semula ganjaran kemenengan Skim Penggalak Kecemerlangan (SPKS)
- Penilaian semula Program Pingat Sukan SEA (PPSS)
- Program Biasiswa Sukan

**2021**
- Penilaian semula Pelan Tindakan Dasar Sukan Negara
- Perlantikan Jawatankuasa Institut Sukan Negara Brunei Darussalam
- Penaiktarafan Stadium Negara Hasanal Bolkiah (dijangka siap 2022)

**2022**
- Penaiktarafan Stadium Negara Hassanal Bolkiah

**2023**
- Program Pembiayaan atlet

**Dasar Sukan Negara merupakan kenyataan ringkas akan tujuan, matlamat serta strategi yang merangkumi dua sektor program dan aktiviti berhubung dengan Sukan Untuk Masyarakat dan Sukan Prestasi Tinggi**

**Dasar dan Garis panduan**

**30%**

- **3 daripada 10 inisiatif telah selesai dilaksanakan:**
  **SPKS**
  **Biasiswa Sukan**
- **7 dalam proses penelitian pada tahun 2022**

### INISIATIF UTAMA:

**Memantapkan ekosistem pembangunan sukan melalui pendekatan senegara secara efektif dan berimpak yang memfokus kepada:**

1] **Perlaksanaan dasar, pelan tindakan dan garis panduan yang mendukung kepada pembangunan dan pembentukan jati diri atlet dan jurulatih.**

2] **Peningkatan tadbir urus Kesukanan yang efisien, efektif dan mampan.**

## PENGGUNAAN KEMUDAHAN DAN SUMBER

Skop di bawah bidang fokus penggunaan kemudahan dan sumber termasuk:

- Pengoptimuman aset, kemudahan, fasiliti dan sumber.
- Persekitaran kerja yang kondusif dan inklusif.
- pusat kecemerlangan.

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam.
- Meningkatkan produktiviti negara.

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 20% peningkatan penyatuan aset.
- 3 pusat kecemerlangan.
- 20% peningkatan perkhidmatan yang memfokus kepada pelanggan.
- Pengoptimuman 5 kemudahan bagi pembangunan sektor melalui kerjasama awam swasta *(PPP)* atau penyumberluasan *(Outsourcing)*.
- 30% peningkatan penghunian / penggunaan kemudahan untuk melaksanakan program inklusif.

## Trend dan Pencapaian bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023

### 1. Penggunaan Kompleks Sukan




- Penggunaan Kompleks Sukan pada tahun 2022/2023 secara keseluruhannya menunjukkan penurunan sedikit iaitu dalam **5%** berbanding tahun sebelumnya.

### 2. Kompleks Sukan di bawah *Facility Rental System (FRS)*




| | Hasil |
|---|---|
| 2019/2020 | $103 Ribu |
| 2020/2021 | $52 Ribu |
| 2021/2022 | $44 Ribu |
| 2022/2023 | $16 Ribu |

- 10 Kompleks Sukan yang berdaftar dan terdapat di FRS
- Lebih 7 ribu jumlah pengguna di bawah FRS pada Tahun Kewangan 2022/2023 yang menjana pendapatan hasil sebanyak $16 ribu (data FRS yang didapati sehingga Ogos 2022)
- FRS tidak lagi digunakan setelah Ogos 2022.

## 3. Pusat Perubatan Sains dan Penyelidikan (SMRC)




- 2 perkhidmatan tambahan:
  Nutrition dan psycology bermula Ogos 2022
  - Nutrition – 300 peserta
  - Psycology – 286 peserta

- Penjanaan hasil
- 2019/2022: $23 Ribu;
- 2020/2021: $26 Ribu;
- 2021/2022: $14 Ribu;
- 2022/2023: $16 Ribu.

| | Hasil |
|---|---|
| 2019/2020 | $23 Ribu |
| 2020/2021 | $26 Ribu |
| 2021/2022 | $14 Ribu |
| 2022/2023 | $16 Ribu |

**INISIATIF UTAMA:**

Pengoptimuman kemudahan dan sumber secara efektif yang memfokus kepada:

1] Penyediaan platform bagi memantapkan Program Pembangunan Sukan.

2] Pemantapan penggunaan kompleks-kompleks sukan melalui Sistem Sewa Fasiliti (FRS).

3] Peningkatan aktiviti dan program diterajui oleh persatuan dan pergerakan sukan.

## RAKAN STRATEGIK

Skop di bawah bidang fokus Rakan Strategik termasuk:

- Jalinan kerjasama pihak yang berkepentingan melalui pendekatan senegara.
- Pembangunan kapasiti, perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran.
- Tanggungjawab Sosial Korporat *(CSR).*

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam
- Meningkatkan produktiviti negara
- Menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable*

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 100% program dengan kerjasama rakan strategik.
- 40% peningkatan inisiatif yang diterajui masyarakat (dan penyertaan).
- 40% peningkatan aktiviti kesukarelawanan.

## Trend dan Pencapaian bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023

- Pendekatan jalinan kerjasama dan kolaborasi bersama agensi kerajaan dan persatuan diteruskan bagi mendukung ekosistem sukan. Walau bagaimanapun, peningkatan jalinan kerjasama daripada 10 kepada 16 agensi diberbanding tahun sebelumnya disebabkan kejohanan serantau yang banyak dilaksanakan tahun 2023 dengan persiapan awal dibuat pada tahun kewangan 2022/2023 berbanding tahun sebelumnya.




| | | |
|---|---|---|
| KERJASAMA DENGAN KERAJAAN, PERSATUAN DAN SWASTA | • Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MSPPDB)<br>• MSABDB, Kementerian Pertahanan<br>• MSSSBD, Kementerian Pendidikan<br>• Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam<br>• Majlis Paralimpik Brunei Darussalam<br>• Unit pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan<br>• Unit Psikologi, Kementerian Kesihatan<br>• Unit Kelainan Upaya, Jabatan pembangunan Masyarakat | ➢ Jawatankuasa Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan<br>➢ Jawatankuasa Pemilihan dan Penilaian Atlet Kurang Upaya<br>➢ Jawatankuasa Pemgambilan Pegawai Kontrak<br>➢ Jawatankuasa Skim Pengalak dan Kecemerlangan Sukan |
| | • Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan | ➢ **Program Heal** dan **WAH** dengan penyertaan warga kakitangan kementerian<br>➢ **Program FALC – Fit Active Lifestyle Club** (KKBS termasuk salah sebuah daripada 6 kementerian yang dipilih) |
| | • Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan | ➢ TID melibatkan **4** buah sekolah menengah kerajaan<br>➢ COT - 393 penuntut daripada 7 jenis sukan |

| | | |
|---|---|---|
| | • Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan | ➢ Penglibatan persatuan-persatuan sukan dalam mengadakan acara sukan semasa *December Festival*<br>➢ Penganjuran perlawanan ***e-sports*** |
| | • Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan | ➢ 6 Program Education dan Out Reach<br>➢ 16 program pembangunan kapasiti<br>➢ 3 ujian doping<br>➢ 6 mesyuarat dengan pihak berkepentingan |
| | • Kementerian Pengangkutan dan Info-Komunikasi | ➢ Program Pembiayaan Atlet berbentuk tajaan<br>➢ Latihan bagi atlet Elit |
| | • BDADC<br>• Brunei Shell<br>• JAB GYM | |

**INISIATIF UTAMA:**

**Memantapkan ekosistem pembangunan sukan melalui pendekatan senegara secara efektif dan berimpak yang memfokus kepada:**

1] **Peningkatan kemajuan atlet pembangunan, pelapis dan kebangsaan melalui program-program latihan, kemahiran dan penganjuran kejohanan.**

2] **Perkembangan program-program sukan dalam negara bagi mendukung penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesihatan.**

3] **Peningkatan pendekatan Tanggungjawab Sosial Korporat *(CSR)* dalam perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran.**

## KERJASAMA AWAM SWASTA *(PPP)* DAN PENYUMBERLUARAN *(OUTSOURCING)*

Skop di bawah bidang fokus Kerjasama Awam Swasta dan Penyumberluaran (*Outsourcing*) termasuk:

- Program Konsolidasi Fiskal (FCP).
- Peningkatan keberkesanan operasi dan produktiviti.
- Pembangunan kemudahan bagi program inklusif.

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam.
- Meningkatkan produktiviti negara.

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 20% peningkatan penyatuan aset.
- 3 pusat kecemerlangan.
- Pengoptimuman 5 kemudahan bagi pembangunan sektor melalui kerjasama awam swasta *(PPP)* atau penyumberluaran *(Outsourcing).*

## Trend dan Pencapaian bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023

### PENYUMBERLUARAN *(OUTSOURCING)* TEMPAT / FASILITI

- Penyewaan tempat / sistem sewa fasiliti bagi aktiviti keusahawanan

- Gymku Higher, Kompleks Sukan Tutong, mula beroperasi Mac 2021
  [Hasil sewa $13,728]
- Mayhem Fitness (Gym/Café), Kompleks Sukan Mumong mula beroperasi tahun 2019
  [Hasil sewa $23,178.60]

## PRESTASI PERBELANJAAN

Skop di bawah Prestasi Perbelanjaan bagi Negara Sukan Yang Gemilang adalah:

- Pendapatan Hasil
- Pembangunan Sukan
- Pemeliharaan Aset

**Tren dan Pencapaian Bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023**

Rumusan:

- Impak situasi COVID-19 gelombang pertama dan kedua sepanjang tahun 2020-2021 kepada penurunan hasil dan penggunaan

### 1. Pendapatan Hasil




- Selepas sekatan COVID-19 diangkat, terdapat **peningkatan pendapatan yang signifikan sebanyak 140%** dalam tahun kewangan 2022/2023 berbanding dengan tahun sebelumnya.

### 2. Bantuan Pembangunan Sukan




- Peningkatan 151% bagi bantuan pembangunan sukan berbanding tahun sebelumnya kepada 17 persatuan:
  - $14 ribu pembelian peralatan persatuan
  - $30 ribu bagi pengendalian program

### 3. Pemeliharaan Aset




- Peningkatan penggunaan peruntukkan iaitu lebih 80% berbanding tahun sebelumnya.

## BAHAGIAN DAN JABATAN DI BAWAH SEKTOR KESUKANAN

Skop di bawah bidang fokus Sektor Kesukanan termasuk:

- Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan.
- Jabatan Belia dan Sukan.

## MISI

Mewujudkan ekosistem terbaik bagi kemajuan sukan dan akses kepada individu untuk:

- Ikut serta aktiviti-aktiviti sukan.
- Bersaing dan mencapai kecemerlangan tinggi dalam sukan.
- Mengamalkan gaya hidup sihat.

## PENAMBAHBAIKAN DAN HALA TUJU 2023/2024

Bagi merealisasikan pencapaian visi Negara Sukan yang Cemerlang dan mendukung tema belanjawan Tahun Kewangan 2023/2024, iaitu Memperkasa Kesejahteraan Awam ke arah sosioekonomi Yang Lebih Berdaya Tahan, Sektor Kesukanan telah merancang hala tuju untuk meneruskan pendekatan Pengupayaan, Pemerkasaan dan Penglibatan ($P^3$). Kementerian memfokuskan pelaksanaan Pelan Strategik KKBS 2020-2024 kepada 3 inisiatif utama iaitu:

### PENGOPTIMUMAN SUMBER SECARA EFEKTIF

- **Meningkatkan daya saing dan prestasi atlet**
- **Peranan dan Keperluan Program Konsolidasi Fiskal (FCP) dan Penyumberluaran *(Outsourcing)***
- **Mengoptimumkan penggunaan kemudahan-kemudahan Kompleks Sukan termasuk *shared facilities* dan Sistem Sewa Fasiliti *(FRS)***

### MENAMBAHBAIK PEMBERIAN PERKHIDMATAN

- **Meneliti dan mengkaji semula status perlaksanaan strategi dan inisiatif Dasar Sukan Negara termasuk dasar satu sukan satu pelajar dan dasar satu penduduk satu sukan di bawah Sukan untuk Masyarakat**
- **Meneliti Tadbir Urus dan Kebajikan atlet sukan**
- **Mendefinisikan matriks dan latihan sukan berprestasi tinggi**
- **Meneliti peraturan dan penyelidikan sukan untuk pembangunan nasional**

### MEMAKSIMAKAN KERJASAMA STRATEGIK

- **Peningkatan pendekatan Tanggungjawab Sosial Korporat *(CSR)* dalam perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran**
- **Memaksimakan kerjasama bersama GLC bagi mendukung sukan berprestasi tinggi dengan sokongan *stakeholders***
- **Meneruskan keterlibatan persatuan-persatuan sukan untuk memimpin aktiviti atau program kesukanan masyarakat**
- **Ekosistem sukan untuk masyarakat termasuk kanak-kanak**

# BUDAYA DINAMIK DAN WARISAN TERPELIHARA

Meningkatkan Kefahaman dan Penghayatan Warisan, Budaya dan Sejarah





"... identiti itu sifatnya lebih menyeluruh, termasuk bahasa dan budaya. Semuanya ini jangan diletakkan di tepi atau di belakang, tetapi jadikanlah ia pakaian untuk dipakai."

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-7, 2022, UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI (UTB)











## CERITA KEJAYAAN UTAMA KAMI:

- **Lebih 90 ribu peserta** mengikuti pelbagai **aktiviti dan program melestari Warisan, Budaya dan Sejarah** seperti jerayawara, promosi dan pembangunan kapasiti
- **115 jenis penyelidikan dan 681 pendokumentasian**
- **83 penerbitan buku**
- **Lebih $43 ribu** hasil penerbitan
- **Lebih 3 ribu** permohonan **tulisan jawi dan penterjemahan** dengan hasil perkhidmatan **lebih $44 ribu**

# 07 BUDAYA DINAMIK DAN WARISAN TERPELIHARA

Mengukuhkan ekosistem sejarah, bahasa dan kesusasteraan, warisan, dan seni budaya dengan:

- Membangun keupayaan masyarakat.
- Memelihara warisan budaya.
- Mengembangkan penyelidikan.
- Membangun industri kebudayaan dan kreatif.

## FOKUS

- Fokus Sektor Kebudayaan adalah untuk meningkatkan pemerkasaan dan penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi sebagai agenda utama dalam segenap aspek pembangunan masyarakat; meningkatkan kefahaman dan penghayatan sejarah, warisan, budaya dan ketamadunan bangsa; dan meningkatkan penghayatan budaya melalui teknologi dan prasarana; dan visibiliti warisan budaya Negara Brunei Darussalam di luar negara.

- Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan Dasar budaya dinamik Negara menjadi asas kepada setiap inisiatif yang dilaksanakan.

## Kegiatan Sejarah: Warisan; Bahasa dan Persuratan Melayu; serta Seni dan Budaya

## Pencapaian Melalui Pendekatan Senegara 2022/2023

### 1. Membangunkan Keupayaan Masyarakat

**1,855** jumlah kegiatan diadakan di bawah Sektor Kebudayaan

- DBP - 1628
- PSB - 149
- JMM - 28
- BKK - 50

**156,032**
Jumlah penglibatan masyarakat dalam aktiviti dan kegiatan kebudayaan dan kesenian (secara maya dan fizikal)

### 2. Memelihara Warisan Budaya

**Pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan (akta, dasar, aset ketara dan tidak ketara dan kualiti)**

**Pembudayaan, pendidikan dan promosi keluarga, masyarakat, aktiviti-aktiviti dalam/luar negara, program & projek secara kompetitif**

**16,971** Bahan dan koleksi yang dipelihara/dipulihara:

- Pendigitalan bahan
- Tarian
- Muzik/lagu
- Pantun/puisi

**879** Menghasilkan bahan rujukan bagi memperkasa warisan khazanah budaya sama ada ketara atau tidak ketara
Penyelidikan: 115
Pendokumentasian: 681
Penerbitan: 83

Jumlah bahan dipelihara mengikut jabatan:

**3,367** Dewan Bahasa dan Pustaka

**6,749** Pusat Sejarah Brunei

**638** Bahagian Kebudayaan & Kesenian

**6,217** Jabatan Muzium-Muzium

## 3. Mengembangkan Penyelidikan

**88** Program penyelidikan

**78** Penempatan Kerja

**87** Hasil penyelidikan

Rakan Strategik:

- Rakan Kongsi usaha sama (Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand)
- 7 puak etnik
- Institusi Pengajian Tinggi (UNISSA dan UBD)
- Persatuan Pesebar
- Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja
- Institusi mukim dan kampung
- Institusi sekolah-sekolah menengah dan rendah kerajaan dan swasta
- Radio Televisyen Brunei
- Persatuan Pemandu Pelancong

**109** Jawatan Profesional penyelidikan

Mewujudkan kepakaran dalam bidang khusus antaranya
- Arkeologi
- Penterjemah
- Muzikologi
- Kurator Sejarah
- Etnografi
- Ilmu Kejadian
- Pemuliharaan
- Perolehan

## 4. Membangun Industri Kebudayaan dan Kreatif

**132** Jumlah aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan industri kreatif

| | | |
|---|---|---|
| 3 | Video Promosi Kebaya | Multi-National Nomination To UNESCO For The Inscription Of Kebaya Into UNESCO Representative List Of The Intangible Cultural Heritage Of Humanity In 2023 |
| 631 | Peserta | Bengkel Menambat Dastar dan Menapih Sinjang |
| 41 | Peserta | Canang Citra Budaya |
| 60 | Peserta | Fun at the Hub |
| 108 | Peserta | Festival Sastera dan Seni Budaya Melayu Brunei – Gala Aspirasi Seni |
| 50 | Peserta | Majlis Pelancaran Buku Terbitan Pusat Sejarah Brunei dan Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis dan Melukis Cerita Bergambar |
| 1,019 | Peserta | Kerjasama perkongsian bahan bagi pementasan teater sejarah 'Perang Kastila' dengan Lakap Lagor Entertainment |

**PERANCANGAN KE HADAPAN:**

1] Meningkatkan pemerkasaan dan penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi sebagai agenda utama dalam segenap aspek pembangunan masyarakat.

2] Mengembangmajukan industri kebudayaan dan kreatif termasuk penulisan kreatif.

3] Meningkatkan kefahamanan dan penghayatan sejarah, warisan, budaya dan ketamadunan bangsa melalui penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti.

4] Meningkatkan penghayatan budaya melalui teknologi dan prasarana.

## PENCAPAIAN PRESTASI UTAMA

- *Fun at the Hub*
- Kongres Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu
- Penjenamaan semula Perpustakaan DBP
- Perjalanan Kebudayaan
- Pameran Semarak Kebangsaan
- Festival Permainan Tradisi
- Pameran Mini Diorama
- Cabaran Larian Sejarah Brunei November 2022
- Forum Sejarah
- Program Menyusuri Sejarah Brunei
- Kembara Sejarah
- Pesta Buku
- Karnival Memperkasa Budaya Membaca

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 30% peningkatan bisnes permulaan yang berjaya atau dalam aktiviti keusahawanan.
- 40% peningkatan aktiviti kesukarelawanan.
- 3 pusat kecemerlangan.
- 40% peningkatan inisiatif diterajui oleh belia (penyertaan)
- 30% peningkatan penghunian / penggunaan kemudahan untuk
- melaksanakan program inklusif.

## Pencapaian Sektor Kebudayaan KKBS 2022/2023

SASARAN
260,000
Pengunjung Muzium, Pusat Sejarah Brunei, Galeri dan Tapak Arkeologi

**209,794**
Tidak mencapai sasaran

- Peningkatan pengunjung pada 2022/2023 berbanding tahun 2021/2022 iaitu sebanyak 16,624 orang

SASARAN
150,000
Pengunjung Perpustakaan semua daerah

**132,474**
Tidak mencapai sasaran

- Jumlah pengunjung ke perpustakaan telah meningkat pada tahun ini terutamanya di Daerah Brunei dan Muara.

SASARAN
600
Karya Kreatif

**790**
Melebihi sasaran

- Jumlah karya kreatif menurun berbanding 932 pada tahun kewangan 2021/2022

SASARAN
53 bidang
Penyelidikan dan Pendokumentasian

**672**
Melebihi sasaran

- Kerjasama dengan rakan strategic

SASARAN
40
Program Jerayawara *(Outreach)*

**213**
Melebihi sasaran

- Program Jerayawara (*Outreach*):
  - DBP – 77
  - PSB- 30
  - JMM – 56
  - BKK- 50

SASARAN
23,000
Penyertaan Jerayawara dan promosi warisan, budaya dan sejarah

**57,535**
Melebihi sasaran

- Penurunan penyertaan sebanyak 148% berbanding tahun kewangan sebelumnya
  - DBP- 41,454 peserta
  - PSB- 4,382 peserta
  - JMM- 4,573 peserta
  - BKK- 7,126 peserta

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SO1 - Kerjasama Strategik | SO1S1 | Program kerjasama rakan strategik | 100 | 147.4 | 147.40% |
| | SO1S2 | Peningkatan bisnes permulaan yang berjaya atau dalam aktiviti keusahawan | 30 | 16.91 | 56.36% |
| | SO1S3 | Peningkatan kadar keseluruhan golongan sasaran yang mendapat perkerjaan. | 40 | 10.69 | 26.73% |
| | SO1S4 | Peningkatan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan. | 40 | 14.31 | 35.77% |
| SO2 - Kualiti Pemberian Perkhidmatan | SO2S1 | Proses kerja menggunakan teknologi digital. | 60 | 136.85 | 228.08% |
| | SO2S2 | Penambahbaikan masa proses dan masa menunggu | 100 | 108.09 | 108.09% |
| | SO2S3 | Peningkatan penyatuan aset. | 20 | 34.97 | 174.86% |
| | SO2S4 | Pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan | 80 | 118.5 | 148.12% |
| | SO2S5 | Pusat-pusat Kecemerlangan (CoE) | 100 | 96.1 | 96.10% |
| | SO2S6 | Peningkatan kerjasama penyelidikan berfokus | 30 | 83.24 | 277.46% |
| | SO2S7 | Peningkatan penyelidikan penerbitan | 30 | 72.11 | 240.37% |
| | SO2S8 | Peningkatan inovasi | 10 | 132.95 | 1329.48% |
| | SO2S9 | Jumlah staf dan kakitangan berjaya menamatkan latihan program pembangunan keupayaan | 30 | 22.54 | 75.14% |
| | SO2S10 | Peningkatan perkhidmatan yang memfokus kepada pelanggan | 20 | 118.5 | 592.49% |
| | SO2S11 | Jumlah organisasi yang berdedikasi untuk / sedang melaksanakan inovasi dan peningkatan kualiti | 10 | 134.25 | 1342.49% |
| SO3 - Kehidupan Berkualiti | SO3S1 | Pengurangan relatif penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (able-bodied / able-to-work) | 30 | 3.03 | 10.12% |
| | SO3S2 | Peningkatan relatif dalam indikator pembangunan sosial | 30 | 139.6 | 465.32% |
| | SO3S3 | Peningkatan inisiatif yang diterajui masyarakat (dan keikutsertaan) | 40 | 35.26 | 88.15% |
| | SO3S4 | Peningkatan penggunaan kemudahan fasilitas / penghunian untuk melaksanakan program-program inklusif | 30 | 106.36 | 354.53% |
| | SO3S5 | Memaksimumkan kemudahan fasilitas bagi pembangunan sektor-sektor melalui kaedah Kerjasama Awam-Swasta (PPP) atau Penyumberluaran (Outsourcing) | 100 | 4.91 | 4.91% |
| | SO3S6 | Peningkatan inisiatif yang diterajui oleh masyarakat (dan keikutsertaan) | 40 | 19.36 | 48.41% |

## PEMBANGUNAN KAPASITI

Skop di bawah bidang fokus Pembangunan Kapasiti masyarakat termasuk:

Sesi Perkongsian Ilmu
- Seminar
- Kongress
- Bengkel
- Forum
- Kursus

Perjalanan Kebudayaan
- Jerayawara
- Pameran
- Dudun DBP

Pengukuhan Infrastruktur Kebudayaan
- Muzium Brunei
- Perpustakaan
- Akademi Seni dan Budaya Brunei (BACA)

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Plan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 40% peningkatan kadar keseluruhan golongan sasaran mendapat pekerjaan.
- 40% peningkatan inisiatif yang diterajui masyarakat (dan penyertaan).

**Tren dan Pencapaian Bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023**




- Pembangunan kapasiti secara keseluruhannya menunjukkan trend penurunan sejak 4 tahun kewangan dengan **109,839** peserta secara keseluruhan:
    - Pada tahun kewangan 2020/2021, sebanyak **16** aktiviti yang telah dikendalikan oleh Sektor Kebudayaan dengan **4,129** peserta;
    - **142** Program Jerayawara termasuklah **Perjalanan Kebudayaan**, iaitu berkolaborasi dengan seluruh Sektor Kebudayaan; dan
    - **42** aktiviti yang telah dibuat oleh perpustakaan di bawah DBP secara maya dengan **4,494** peserta.

# >109 Ribu

1,153 Aktiviti dilaksanakan

## PEMBANGUNAN KAPASITI

**4,038** PENYELIDIKAN DAN PENDOKUMENTASIAN

BKK, **12**
DBP, **3,307**
PSB, **253**
JMM, **466**

**$14,925** BANTUAN PENGGIAT SENI DAN BUDAYA

7 Perstuan/individu menerima bantuan penggiat seni dan budaya

**67** PENERBITAN BUKU

DBP, **36**
PSB, **15**
JMM, **16**

Penurunan **18%** berbanding tahun 2021

**17,725** PELAJAR SEKOLAH

Membuat lawatan ke Muzium, Galeri dan Taman

**28** PESERTA

**Program Penulis Muda** penurunan **51%** berbanding tahun 2021

**78** PENUNTUT PENGAJIAN TINGGI

Dari UBD, UNISSA, PB, IBTE mengikuti **penempatan latihan** di DBP, PSB dan JMM penurunan sebanyak **6%** berbanding tahun 2021

**132** AKTIVITI INDUSTRI KREATIF

- Pertandingan Logo Hari Kebangsaan
- Bengkel Menambat Dastar dan Menapih Sinjang
- Festival Sastera dan Seni Budaya Melayu Brunei- Gala Aspiras Seni

**>$44 Ribu** HASIL PERKHIDMATAN TULISAN JAWI DAN PENTERJEMAHAN

Peningkatan jumlah hasil lebih daripada $44 ribu berbanding tahun kewangan 2021/2022 sebanyak $30 ribu.

**90,282** PESERTA

Mengikuti **1,049 Program Melestari Warisan, Budaya dan Sejarah**
**10,180**, 56 aktiviti JMM
**15,288**, 149 aktiviti PSB
**7,126**, 50 aktiviti BKK
**57,688**, 794 aktiviti DBP
Peningkatan 75% peserta pada tahun 2022/2023 berbanding tahun sebelumnya (23,027)

**$28,521** Hasil Penjualan Buku

Sebanyak 12,365 nashkah terjual semasa Pesta Buku Brunei

## INISIATIF UTAMA:

Meningkatkan kerjasama strategik melalui pendekatan senegara secara efektif dan berimpak yang memfokus kepada:

1] Meningkatkan pelestarian warisan, budaya dan sejarah.

2] Menyediakan prasarana bagi perkembangan industri kreatif.

3] Meningkatkan penyelidikan, pendokumentasian dan penerbitan bagi menjana sumber ilmu pengetahuan dan kepakaran.

## PROJEK STRATEGIK

- Coffee Table Book on ASEAN Diversity
- Dasar Kebudayaan Negara
- Perjalanan Kebudayaan
- Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah Kesultanan Brunei
- Muzium Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sumber dan Penyelidikan
- Buku Masakan 7 Puak Negara Brunei Darussalam
- Forum Belia Sejarah
- Meningkatkan kapabiliti, kemahiran dan pengetahuan pegawai dan kakitangan jabatan melalui penempatan kerja di luar negara
- Pembukaan Galeri Sejarah Awal Hubungan Brunei dengan Negara Luar
- Menambah baik kaedah perkhidmatan galeri pameran antaraanya memperkenalkan kaedah interaktif melalui penggunaan teknologi masa kini

| | |
|---|---|
| DKN | 90% selesai |
| Perjalanan Kebudayaan | 100% selesai |
| Pusat Kecemerlangan: PSB & Muzium Brunei | PSB - 100% selesai<br>JMM - 76% selesai |
| Arca ASEAN Taman Damuan | 60% selesai |
| Pencalonan Masjid Omar 'Ali Saifuddien dalam *the Islamic World Heritage List (IWHL)* | 90% selesai |
| Ratifikasi 2005 *Convention on the Protection and Promotion of the Diversity of Cultural Expressions on Brunei Darussalam* | Dalam Penelitian |
| *Training on Safeguarding of Cultural Heritage* | 30% selesai |
| Penjenamaan Perpustakaan | 100% selesai |
| Siri Webinar Galakan Budaya Membaca | 100% selesai |
| Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2022 | 100% selesai |
| Quran Hour | 100% selesai |
| Pertandingan Mari Bercerita 2022 | 100% selesai |

## Pencalonan Kebaya dalam *the 2023 Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity*

- Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand telah berjaya mencalonkan Kebaya dalam senarai daftar UNESCO Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan.

  Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand telah bersama-sama mengemukakan pencalonan multinasional untuk Kebaya kerana ianya mewakili dan meraikan kekayaan sejarah Asia Tenggara.
- Inisiatif ini menggalakkan persefahaman bilang budaya dan terus hadir serta diamalkan aktif oleh pelbagai komuniti di seluruh negara.

| | |
|---|---|
| Jumlah negara kerjasama | 5 |
| Video promosi mengenai Kebaya dihasilkan | 3 |
| Jumlah rakan strategik<br>▪ PPB<br>▪ 7 puak etnik Melayu<br>▪ Guru pelatih dalam kursus menjahit<br>▪ Pereka fesyen tempata | 40 |

## PENSEJAJARAN SISTEM DAN PROSES

Pesejajaran Sistem dan Proses termasuk:

- Penubuhan perpustakaan Negara
- Jabatan Warisan
- Balai Budaya

Pengukuhan

- Akta, dasar dan garis panduan

Tadbir Urus Efektif

- Tadbir Urus dan penstrukturan organisasi
- Penyediaan prasarana
- Transformasi digital

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam.
- Meningkatkan produktiviti negara.
- Menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable.*

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 20% peningkatan perkhidmatan yang memfokus kepada pelanggan.
- 60% proses kerja menggunakan teknologi digital.
- 100% penambahbaikan masa proses dan menunggu.
- 80% klien berpuas hati dengan perkhidmatan.

### Trend dan Pencapaian bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023






## PENGGUNAAN KEMUDAHAN DAN SUMBER

Skop di bawah bidang fokus Penggunaan Kemudahan dan Sumber termasuk:

- Guna sama ruang budaya, perpustakaan dan galeri.
- penambahbaikan bangunan RTB sebagai ruang budaya

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam.
- Meningkatkan produktiviti negara.

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 20% peningkatan penyatuan aset.
- 3 pusat kecemerlangan.
- 20% peningkatan perkhidmatan yang memfokus kepada pelanggan.
- Pengoptimuman 5 kemudahan bagi pembangunan sektor melalui kerjasama awam swasta *(PPP)* atau penyumberluaran *(Outsourcing)*.
- 30% peningkatan penghunian / penggunaan kemudahan untuk melaksanakan program inklusif.

## Trend dan Pencapaian bagi 4 Tahun Kewangan 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023

### 1. Pengunjung ke galeri, perpustakaan dan tapak- tapak bersejarah




- Jumlah pengunjung bagi penggunaan kemudahan seperti muzium-muzium, galeri, perpustakaan dan tapak-tapak warisan di semua daerah secara keseluruhannya menunjukkan trend peningkatan **328,071** pengunjung pada sepanjang Tahun Kewangan 2022/2023 berbanding **259,426** pada tahun sebelumnya.

### 2. Ahli Perpustakaan




- Secara keseluruhannya menunjukkan tren peningkatan sejak 4 tahun kewangan dengan **12,951** ahli perpustakaan.
- Dewan Bahasa dan Pustaka penyumbang utama iaitu sebanyak **4,693** ahli perpustakaan baharu berdaftar pada Tahun Kewangan 2022/2023, menunjukkan peningkatan **69%** dengan tahun sebelumnya.

## INISIATIF UTAMA:

Pengoptimuman kemudahan dan sumber secara efektif yang memfokus kepada:

1] Meningkatkan prasarana bagi penyelidikan budaya, warisan dan sejarah

2] Penjenamaan semula perpustakaan-perpustakaan sebagai pusat komuniti dan pelbagai hab.

3] Meningkatkan penglibatan semua peringkat masyarakat dalam memelihara, memulihara dan melindungi aset warisan dan budaya negara.

4] Melibatkan masyarakat dalam pemberigaan dan mengembang maju industri kreatif.

## RAKAN STRATEGIK

Skop di bawah bidang fokus Rakan Strategik termasuk:

- Jalinan kerjasama pihak yang berkepentingan melalui pendekatan senegara.
- Pembangunan kapasiti, perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran.
- Tanggungjawab Sosial Korporat *(CSR).*

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam.
- Meningkatkan produktiviti negara.
- Menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable.*

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 100% program dengan kerjasama rakan strategik.
- 30% peningkatan kerjasama penyelidikan berfokus.
- 40% peningkatan penyelidikan penerbitan.

### Trend dan Pencapaian bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023

- Pendekatan jalinan kerjasama dan kolaborasi jauh meningkat daripada tahun kewangan 2022/2023 ke 431 jenis jalinan kerjasama. Ini menjurus kepada untuk mencapai sasaran pelaksanaan 100% program dengan kerjasama rakan strategik seperti dalam pengukuhan budaya dan pemeliharaan warisan.

79 — 2019/2020

9 — 2020/2021

302 — 2021/2022

431 — 2022/2023 — Jalinan Kerjasama dan Kolaborasi

| | | |
|---|---|---|
| KERJASAMA DENGAN KERAJAAN, PERSATUAN DAN SWASTA | • Perjalanan Kebudayaan<br>• Program Bincang-Bincang Sejarah<br>• Program Muzium Warisanku | ➢ 20 sekolah dan 1 institusi pengajian tertinggi<br>➢ RTB, **769** Peserta<br>➢ Kementerian Pendidikan (JSS, Ko-Kurikulum, IBTE)<br>➢ RTB (Rampai Pagi, Dokumentari, Bahagian Berita) |
| | • Brunei dalam Sejarah bersama RTB | ➢ 74 video |
| | • Brunei 360 bersama RTB | ➢ 13 episod, 27 bahan dikongsikan bagi rancangan RTB |
| | • Kembara Sejarah | ➢ Bersama 30 buah sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi, **4,382** peserta. |
| | • Sudut Bacaan | ➢ Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong; Restoran Eat's Hot; Peachtree Playhouse; Teratak Setiawan; Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi; Learner's Bar; Pusat Kegiatan Warga Emas Lambak Kanan |
| | • Cabaran Larian Sejarah, November 2022 | ➢ PSB, BIBD, **1,455** Peserta |
| | • Program Bicara Sejarah | ➢ Persatuan Filatelik Kebangsaan NBD, Politeknik, **129** peserta |
| | • Taklimat Matawang BDCB | ➢ **76** peserta |
| | • *Fun at the Hub* | ➢ Puak-puak Etnik, Orang Awam, Sparks Co |
| | • Muzium Series | ➢ Mr Bong Poh Yuk, **115** peserta |
| | • Pameran Mini Diorama di Muzium Daerah Belait | ➢ Awang Emran dan Awang Hj Riduan |
| | • Muscat International Book Fair | ➢ Oman |
| | • Galeri Kenangan dipamerkan di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja | ➢ BIBD |
| | • Penyelidikan Tarian Puak Dusun dan Belait | ➢ Pakatan Sang Jati Dusun, **63** peserta |
| | • Pameran Wastra Borneo | ➢ Museum Mulawarman, **20** peserta |
| | • Pameran Seni untuk Semua | ➢ JAPEM |
| | • Program 60 minit bersama Al-Quran | ➢ **369** Peserta |
| | • Hari Terbuka Perpustakaan | ➢ **1000** peserta |

| | | |
|---|---|---|
| | • Ceramah Kesedaran Memupuk Budaya Membaca bagi ibu-ibu mengandung | ➢ **20** peserta |
| | • Kelas Mengaji Al-Quran | ➢ **269** Peserta |
| | • Ceramah motivasi sebelum menghadapi peperiksaan | ➢ **60** orang |
| | • Sambutan Bulan Bahasa | ➢ **200** orang jemputan, **100** orang pelajar |

## BANDAR SERI BEGAWAN SEBAGAI HAB BUDAYA

- *Heritage trail*
- Hab Minyak dan Gas, Dermaga Diraja

- 7 *Heritage Trail*:
  - Makam Sultan Sharif Ali
  - Makam Sultan Bolkiah
  - Batu Tarsilah
  - Tapak Kota Batu
  - Bubungan Dua Belas
  - Muzium Maritim Brunei Darussalam
  - Muzium Teknologi Melayu

- Pengiktirafan Bandar Seri Begawan sebagai Bandaraya Ketamadunan Islam dalam rantau Asia Tahun 2019 adalah mercu tanda penting yang bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam dalam mengangkat keseniaan dan warisan Islam terhadap pemeliharaan dan penyebaran ketamadunan Islam.

- Penglibatan masyarakat dan kerjasama dengan rakan strategik melalui peningkatan penganjuran aktiviti dan program yang berciri keislaman di semua daerah, pengunjung/pelawat ke galeri, muzium dan tapak-tapak warisan dan lain-lain.

### INISIATIF UTAMA:

Meningkatkan kerjasama dalam penyelidikan dan palestarian warisan, budaya dan industri kreatif:

- Program-program pembentukan jati diri
- Penyelidikan bahasa Melayu
- Pembangunan kapasiti
- Perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran bidang seperti sastera, kreatif, Bahasa Melayu, warisan, budaya dan sejarah

## KERJASAMA AWAM SWASTA *(PPP)* DAN PENYUMBERLUARAN *(OUTSOURCING)*

Skop di bawah bidang fokus Kerjasama Awam Swasta dan Penyumberluaran (*Outsourcing*) termasuk:

- Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja

Pensejajaran kepada matlamat utama Fokus Belanjawan Tahun Kewangan 2021/2022:

- Penyediaan kemudahan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam.
- Meningkatkan produktiviti negara.

## SASARAN DAN INDIKATOR UTAMA

Pelan Tindakan Strategik KKBS 2020-2024:

- 20% peningkatan penyatuan aset.
- 3 pusat kecemerlangan.
- Pengoptimuman 5 kemudahan bagi pembangunan sektor melalui kerjasama awam swasta *(PPP)* atau penyumberluaran *(Outsourcing)*

## Trend dan Pencapaian bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023

### Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja

- Hab Tenaga Brunei Dermaga DIraja merupakan Muzium interaktif industri Minyak Dan Gas Negara Brunei Darussalam.

- Projek menaik taraf Bangunan Kastam Dan Eksais Diraja menjadi galeri ini ialah kolaborasi antara Kementerian Kewangan & Ekonomi, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Syarikat Brunei Shell Joint Venture (BSVJ) dan Brunei Gas Carriers Sdn Bhd.
- Dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 23 Oktober 2022.

## PRESTASI PERBELANJAAN

Skop di bawah Prestasi Perbelanjaan bagi Budaya Dinamik Warisan Terpelihara ialah:

- Pendapatan Hasil
- Hasil Penerbitan
- Pemeliharaan Aset

**Trend dan Pencapaian bagi 4 Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021; 2021/2022; 2022/2023**

Rumusan:

- Impak situasi COVID-19 gelombang pertama dan kedua sepanjang tahun 2020-2021 menyebabkan penurunan hasil dan penggunaan.

### 1. Pendapatan Hasil




- **Terdapat peningkatan 174% pendapatan hasil dan penggunaan** di antara tahun kewangan 2020/2021 dan 2022/2023 antaranya disebabkan oleh peningkatan dari segi pelaksanaan inisiatif, aktiviti dan projek semasa pasca COVID-19 secara keseluruhannya.

### 2. Hasil Penerbitan




- **Peningkatan penggunaan 147%** berbanding tahun kewangan sebelumnya disebabkan kaedah e-pembayaran perkhidmatan dan pemasaran perbankan digital di Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Sejarah Brunei penyumbang utama bagi peningkatan hasil penerbitan secara keseluruhannya.

### 3. Pemeliharaan Aset




- **Peningkatan 111% dalam pemeliharaan aset** berbanding tahun sebelumnya kerana kerja-kerja membaik pulih di Muzium Alat Kebesaran Diraja dan Taman Warisan Tasek Merimbun.

## BAHAGIAN DAN JABATAN DI BAWAH SEKTOR KEBUDAYAAN

Skop di bawah bidang fokus Sektor Kebudayaan termasuk:

- Bahagian Kebudayaan dan Kesenian
- Dewan Bahasa dan Pustaka
- Pusat Sejarah Brunei
- Jabatan Muzium-Muzium

## MISI

Mewujudkan persekitaran terbaik bagi kemajuan dalam budaya, warisan dan perkembangan industri kreatif bagi individu untuk:

- Mempertingkatkan kualiti pemeliharaan dan pengurusan budaya warisan.
- Menjalinkan hubungan rangkaian dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembangunan sosiobudaya.
- Terlibat dalam perkembangan penyelidikan.

## PENAMBAHBAIKAN DAN HALA TUJU 2022/2023

Bagi merealisasikan pencapaian visi Budaya Dinamik Warisan Terpelihara dan mendukung tema belanjawan Tahun Kewangan 2022/2023, iaitu Ke Arah Pembangunan Sosioekonomi yang Berdaya Tahan, Sektor Kebudayaan telah merancang hala tuju untuk terus Mengukuhkan dan Melestari Kebudayaan dan Industri Kreatif. Kementerian memfokuskan pelaksanaan strategi kepada tiga inisiatif utama, iaitu:

### PENGOPTIMUMAN SUMBER SECARA EFEKTIF

- Pusat sumber penyelidikan budaya dan warisan
- Penjenamaan semula perpustakaan-perpustakaan sebagai pusat komuniti dan pelbagai hab pembelajaran
- Penyediaan platform bagi keusahawanan dan pengembangan aktiviti-aktiviti kebudayaan, kesenian dan kreatif

### MENAMBAH BAIK PEMBERIAN PERKHIDMATAN

- Meneliti dan mengkaji semula status pelaksanaan strategi dan inisiatif Dasar Kebudayaan Negara (DKN)
- Penyediaan garis panduan pemberian *micro grant* bagi penggiat seni dan budaya
- Meningkatkan penggunaan digital dan teknologi:
    - Aplikasi pintar
    - Perkhidmatan laman sesawang
    - Pangkalan data
    - Pemberigaan maklumat, ilmiah dan sebagainya

### MEMAKSIMAKAN KERJASAMA STRATEGIK

- Pembangunan kapasiti (latihan, penyelidikan dan penerbitan) bersama institusi-institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi yang berkepentingan termasuk pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan
- Konsultasi pengurusan aset dan bangunan
- Penglibatan aktif dalam Projek ASEAN COCI, BIMP EAGA, UNESCO, ICESCO, ICCROM, SARBICA, ICA, SEAMEO SPAFA dan hubungan dua hala

# MENUJU KE HADAPAN

Tahun Kewangan 2022/2023 telah menyaksikan permulaan dalam penghasilan Kajian Semula Separuh Penggal (*Mid-Term Review*) iaitu salah satu mekanisme untuk membantu mengemaskini perancangan, pelaksanaan dan pengurusan pelan strategik. Kajian Semula ini mengambil langkah segera untuk melaksanakan program ke arah yang betul untuk menghasilkan kesan yang dijangkakan dengan mengambilkira perubahan semasa dan cabaran mendatang serta ketersediaan sumber yang sedia ada.

Kementerian ini mengambil langkah proaktif dalam sentiasa bersedia memberi perkhidmatan terbaik untuk meningkatkan pembangunan sektor-sektor Kemasyarakatan, Kebeliaan, Kesukanan dan Kebudayaan. Tumpuan keutamaan akan terus diberikan kepada program yang berteraskan Pengupayaan, Pemerkasaan dan Penglibatan ($P^3$) yang lebih berimpak dan inklusif melalui peningkatan pensejajaran proses dan pengoptimuman sumber secara efektif dengan:

- Menerokai dan menambah baik pemberian perkhidmatan melalui pendekatan Pasukan Rentas Fungsi *(CFT)* dan Rentas Sektor;
- Memanfaatkan penggunaan aplikasi pintar dan teknologi digital;
- Meneliti dan mengemas kini dasar, strategi dan pelan tindakan; dan
- Meningkatkan kecekapan operasi, produktiviti dan pulangan pelaburan *(RoI)* dengan aset yang berpotensi untuk diswastakan melalui kerjasama awam-swasta (PPP) atau Penyumberluaran *(outsourcing)*.

## LANGKAH SETERUSNYA

Penyediaan laporan tahunan ini telah dapat memberikan kita gambaran bahawa terdapat banyak lagi ruang pembaikan yang perlu ditangani untuk dilaksanakan. Pencapaian prestasi sehingga kini, akan menjadi satu garis aras baharu kepada peningkatan usaha semua warga kementerian ke arah merealisasikan pencapaian visi untuk mencapai Bangsa Brunei Cemerlang dan seterusnya mendukung Wawasan Brunei 2035.

1. Meningkatkan komitmen, kerjasama, kepemilikan dan akauntabiliti semua sektor dan perkhidmatan bagi pelaksanaan dan pengemaskinian semua program atau inisiatif strategik mengikut objektif dan sasaran yang ditetapkan;
2. Pelaksanaan semua program atau inisiatif strategik dengan lebih terarah bagi memberikan impak yang bermakna;
3. Peneraju Sektor bertanggungjawab untuk menggerakkan dan memantau pelaksanaan strategi dan pelan tindakan masing-masing; dan
4. Menggiatkan lagi pendekatan senegara dalam apa jua pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang dirancangkan.

LAMPIRAN

## TEKS MUKADIMAH

**YANG BERHORMAT**
**DATO SERI SETIA AWANG HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD, MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE SEMBILAN BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

**HARI ISNIN, 27 SYAABAN 1444 / 20 MAC 2023 BERTEMPAT**

**DEWAN PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillahi Rabbil ‘Alamin Wassalatu Wassalamu ‘Ala-Asyarafil Anbiyaie Wal-Mursalin Saidina Muhammadin Wa’ala Alihi Wasahbihi Ajma’in.

Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam SejahteraYang

Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita kaola merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Pengerusi di atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Kita amat bersyukur Tema Tahun Kewangan2023/2024 **‘Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur’** amat bertepatan dengan usaha berterusan KKBS dengan kerjasama senegara dalam mencapai matlamat **Bangsa Brunei Cemerlang ke arah Wawasan Brunei 2035.** Apa yang penting ialah, **usaha ke arah memperkasa, mengelinga dan memedulikesejahteraan rakyat memerlukan kerjasama sepadu semua peringkat dan lapisan masyarakat.**

Kemementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mula Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan anggaran perbelanjaan Tahun Kewangan 2023/2024 berjumlah **Lapan Puluh TigaJuta, Lapan Ratus Tiga Belas Ribu dan Dua Puluh Ringgit (BND$83,813,020.00).**

Yang Berhormat Pengerusi,

Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara 2023, iaitu menggunakan persidangan dengan sebaiknya untuk membentangkan isu-isu utama yang strategikdan penting bagi sama-sama memberikan buah fikiran dan mencari jalan penyelesaian yang berpatutan, maka berlandaskan hala tuju ini, izinkan kaola menghuraikan **4 Fokus Strategi sebagai pelengkap kepada usaha meneruskanpelaksanaan Pelan Strategik Kementerian bagi tahun kewangan 2023/2024 dan usaha Pengupayaan, Pemerkasaan dan Penglibatan (3P) melalui:**

**STRATEGI PERTAMA: DALAM BIDANG KEMASYARAKATAN, KITA TERUS MENGEMBANG MAJU MASYARAKAT PROGRESIF KE ARAH MASYARAKAT CEMERLANG, BERSATU-PADU, RESILIEN DAN PEMEDULIAN.**

Sejumlah **$23.75 Juta** diperuntukkan bagi program mengembang majukan Masyarakat Progresif termasuk penambahbaikan prasarana dan kemudahan, yang merangkumi **$15.8 Juta** bagi Perkhidmatan Bantuan Am dan MemperkasaPenerima Bantuan Kebajikan; **$1.5 Juta** bagi Perkhidmatan Orang Kelainan Upaya;dan **$3.4 Juta** bagi Pengukuhan Institusi Keluarga. Antara usaha-usaha di bawah strategi ini ialah:

1. Pertama, setelah hampir 3 tahun pelaksanaan sejak ianya mula dilancarkan pada **15 Julai 2020,** Alhamdulillah, Sistem Kebajikan Negara (SKN) kini telahmenerapkan bantuan-bantuan daripada pihak Majlis Ugama Islam (MUIB), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan yang terkini adalah **BantuanKeperluan Persekolahan Tahunan (BKPT).**

   Pengintegrasian pemberian bantuan-bantuan ke dalam sistem ini telah menjana sebuah pangkalan data yang digandingkan dengan penganalisaan *Artificial Intelligence* dengan pengunaan sebuah program *Power Business Intelligence* (Power BI) sebagai nilai tambah kepada penubuhan sistem ini. Ciri AI yang dibina ke dalam sistem ini setentunya akan mengoptimumkan penggunaan sistem dan juga meluaskan skop penganalisisan dari segi geo lokasi dan hubungannya dengan sosio ekonomi para pemohon dan penerima SKN.

2. Kedua, **Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan** yang menggariskan strategi dan inisiatif bertujuan untuk meningkatkan kedayatahanan dan ekonomi golongan sasaran yang mandiri untuk keluar daripada kitaran kemiskinan dan mengurangkan ketergantungan kepada Kerajaan dan juga **pengemaskinian Garis Panduan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB)** untuk memastikan program intervensi yang lebih berkesan, pemedulian danmemenuhi keperluan.

3. Ketiga, **Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang telah dikaji semula pada tahun 2021** menggariskan pembangunan ekosistem OKU yang akan menyumbang kepada peningkatan kualiti kehidupan OKU, memberikan kesaksamaan Hak Orang Kelainan Upaya dan memperkasa Orang Kelainan Upaya dan ahli keluarga mereka secara inklusif. Pelan Tindakan ini dirancang akan dibukukan pada tahun ini bagi rujukan pihak yang berkepentingan.

4. Keempat, **Pelan Tindakan Warga Emas InsyaAllah juga akan dibukukan pada tahun ini** secara bersepadu dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dalam memberi keutamaan kepada tadbir urus, pembangunan, pemerkasaan, kesihatan, kesejahteraan dan sistem sokongan mesra warga emas ke arah Warga Emas yang Berjaya (*Towards Successful Ageing*).

   Salah satu inisiatif dalam memeduli dan memberikan sokongan kepada wargaemas, kita terus melaksanakan **Program Memeduli Warga Emas secara senegara *(Whole of Nation)*** dengan agensi-agensi kerajaan; pertubuhan- pertubuhan bukan kerajaan; dan para sukarelawan demi menitikberatkan jaminan kebajikan dan kesejahteraan, di samping meningkatkan kesedaran terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan warga emas.

5. Kelima, di bawah **Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak, sistem perlindungan kanak-kanak sentiasa dimantapkan** demi memenuhi cabaran semasa sejak pelancaran Rangka Kerja Perlindungan Kanak-Kanak atau *National Framework on Child Protection (NFCP)* pada tahun **2020**. Di samping itu, daftar *Registry of Children and Young Persons In Need of Protection (RCYPNP)* yang telah dilancarkan pada **1 April 2022** merupakan pangkalan data kebangsaan terpusat bagi pengumpulan dan penyelenggaraan rekod bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan serta butiran ahli keluarga berkenaan bagi memastikan intervensi yang lebih holistik. Sebagai nilai tambah kepada NFCP, penyediaan **Garis Panduan Program Jagaan Keluarga Angkat *(Foster Care)* disasarkan pada tahun ini**;
6. Keenam, pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, **Pelan Tindakan Keluarga telah dikaji semula** bagi tahun 2023 – 2027 untuk memastikan Pelan Tindakan Keluarga 2023-2027 ini diteliti secara menyeluruh dan disejajarkan dengan hala tuju dan perisian *Social Blueprint* Negara Brunei Darussalam**.** **Pengkajian semula** ini adalah juga bagi lebih memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh agensi kerajaan dan bukankerajaan dalam membantu meningkatkan kedudukan dan kesejahteraan institusi kekeluargaan di negara ini.

7. Ketujuh, **Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darusssalam telah selesai dilaksanakan dan kini dalam proses akhir penyediaan *Final Report*** yang merangkumi rekomendasi-rekomendasi dasar dan inisiatif bagi menangani isu-isu utama yang menjejaskan dan menghalang pembangunan wanita di Brunei Darussalam, khususnya mengenai mata pencarian ekonomi mereka, dan keseimbangan kerja- kehidupan *(Work-Life Balance).* Ini adalah penting ke arah memastikan institusi kekeluargaan yang kukuh. Antara penemuan utama penyelidikan berkenaan ialah walaupun pembangunan wanita di negara ini telah mencapaipeningkatan yang ketara, masih terdapat beberapa bidang yang memerlukanpenelitian dasar bagi memastikan kaum wanita negara dapat mencapai potensi penuh dan optimum. Hasil daripada penyelidikan ini akan dimasukkan di dalam Pelan Tindakan Wanita.

8. Kelapan, dari segi penyediaan prasarana kemudahan, Alhamdulillah **projek bangunan baharu Rumah Perlindungan di Belimbing, Subok telah siap** dan mula didiami sepenuhnya semenjak Disember 2022 yang pada masa ini merangkumi seramai **52 kanak-kanak dan perempuan dewasa.** Manakala,Projek Kompleks Orang Kelainan Upaya (OKU) sedang dalam fasa rekabentuk *(design)* sebelum dibukakan tawaran; dan

9. Kesembilan, mewujudkan ***Social Blueprint*** bersama Jabatan Perdana Menteri sebagai pelengkap kepada hala tuju dan pensejajaran usaha sama senegara Wawasan Brunei 2035 dalam mencapai matlamat kedua, iaitu Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi.

**STRATEGI KEDUA: DALAM BIDANG KEBELIAAN, KITA TERUS MEMFOKUS KEPADA MELAHIRKAN BELIA HARAPAN YANG BERWAWASAN SEBAGAI PENERAJU PEMBANGUNAN NEGARA.**

Sejumlah **$10.21 Juta** diperuntukkan bagi program melahirkan Belia Harapan yang Berwawasan termasuk penambahbaikan prasarana dan kemudahan yangmerangkumi **$650 Ribu** untuk program Pemerkasaan dan Pembangunan Keusahawanan Belia, dan hampir **$3 Juta** lagi bagi Pembangunan Keupayaan Belia.

**Pelan Tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2024** telah menggariskan beberapa program dan insiatif pengupayaan serta pemerkasaan senegara yang memberi tumpuan kepada mengukuhkan ekosistem Kebeliaan. Berdasarkan kepada prestasi pencapaian Pelan Tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2024, **61%** program dan aktiviti pada tahun kedua telah berjaya dilaksanakan. Antara usaha usaha-usaha di bawah strategi ini ialah:

1. Pertama, **Meningkatkan pembangunan keupayaan** melalui latihankemahiran dan industri yang relevan dan **membentuk jati diri dan modal insan yang holistik** termasuk melalui usaha:

    1.1. Pertama, Memantapkan kualiti program Pusat Pembangunan Belia bagi meningkatkan kebolehpasaran belia dalam mendapat pekerjaan lebih bermakna, menjadi usahawan dan melanjutkan latihan kemahiran atau pelajaran. Dikongsikan, sebanyak **61%** kebolehpasaran yang dicatatkan bagi tahun 2020 hingga 2022, iaitu **261** mendapat pekerjaan, **24** berkecimpung dalam aktiviti keusahawanan dan **40** melanjutkan pelajaran;

    1.2. Kedua, Bahagian Khidmat Bakti Negara dengan **menerapkan elemen pertahananan awam *(civil defence)* dalam latihan** bagi memantapkan lagi jati diri, resilien, semangat kesukarelawanan dan kesiapsiagaan menghadapi bencana. Seramai **539 Pelatih** pengambilanPKBN Ke-11 telah menamatkan kursus Latihan pada 16 Mac ini. Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa majlis tamat Latihan tersebut telah bertitah menzahirkan keyakinan dengan adanya nilai tambah kurikulum dalam Latihan PKBN, para alumni PKBN kini lebih bersedia untuk menghulurkan khidmat bakti mereka secara sukarela bagi menangani kejadian bencana alam apabila diperlukan.

        Di samping itu, BKBN dengan kerjasama Insitut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan MPEC melaksanakan 2 *cohort* Program Jati Diri dengan melibatkan hampir **300 penuntut IBTE**; dan

    1.3. Ketiga, Outward Bound Brunei Darussalam bagi meningkatkan kepimpinan dan semangat berpasukan. Dikongsikan, seramai **2,500 peserta belia** mengikuti program OBBD sejak 3 tahun kebelakangan.

2. Kedua, **Mengukuhkan Ekosistem Keusahawanan Belia dalam pelbagai industri yang diterajui oleh Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia** termasuk melalui penyediaan program inkubator dan platform bagi usahawan belia memulakan perniagaan dan juga penyediaan tapak tanah bagikegunaan pertanian. Antara lainnya, melalui kerjasama dengan *Entrepreneurship, Innovation, Community and Outreach* (EICO) dan *LiveWire Sdn. Bhd*, **40 peserta belia** diberikan pendedahan dalam pengurusan perniagaan.

3. Ketiga, **Penyediaan Prasarana.** Tumpuan adalah kepada **projek penaiktarafan Pusat-pusat Belia sebagai pusat kecemerlangan** dalammelaksanakan program serta aktiviti yang menjurus kepada pemerkasaan belia termasuklah kepimpinan dan pembangunan jati diri. Dikongsikan, seramai **lebih 43 Ribu pengguna** Pusat

Belia di keempat-empat daerah dan **533 pengguna** asrama Pusat Belia direkodkan bagi tahun 2021 hingga 2022;

4. Keempat, **Pembangunan nilai dalam membentuk jati diri dan modal insan yang holistik.** Seramai lebih **38,000 belia** melibatkan diri dalam program kepimpinan, keagamaan, kesihatan dan pembangunan kapasiti secara menyeluruh. Pelaksanaan program ini diterajui sendiri oleh para beliadengan **peningkatan 52%** dari tahun sebelumnya; dan

5. Kelima, **Penglibatan Belia di peringkat Antarabangsa** dengan mengiktiraf sumbangan **pemimpin-pemimpin belia dalam bidang kesukarelawanan** sejajar dengan matlamat dasar bertaraf dunia dan strategi meningkatkan budaya perpaduan dalam kalangan semua masyarakat.

**STRATEGI KETIGA: DALAM BIDANG KESUKANAN, KITA TERUS MENGUKUHKAN EKOSISTEM SUKAN YANG INKLUSIF DAN CEMERLANG,** yang memfokus kepada memantapkan Sukan Berprestasi Tinggi di samping meneruskanusaha meningkatkan Sukan untuk Masyarakat.

Sejumlah **$15.93 Juta** diperuntukkan bagi program ke arah Mengukuhkan Ekosistem Sukan yang merangkumi hampir **$700 Ribu** bagi Pembangunan Persatuan-persatuan Sukan dan lebih **$3 Juta** bagi Pembangunan Keupayaan Atlet,Jurulatih dan Perubatan Sukan. Ia dihasratkan untuk mewujudkan persekitaran atlet yang stabil; membangun sukan yang berpotensi untuk memenangi pingat; membangun atlet elit; prasarana bagi persediaan sukan berprestasi tinggi danmemastikan keinklusifan sukan untuk masyarakat. Antara usaha-usaha di bawah strategi ini ialah:

1. Pertama, Menggerakkan dan melaksanakan strategi dan pelan tindakan bagi memantapkan Sukan Berprestasi Tinggi ke arah **membangun atlet elit yangboleh meraih pingat dalam sukan berprestasi tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa**, dan mengukuhkan keinklusifan sukan untuk masyarakat ke arah **Negara yang sihat, sejahtera dan sepadu dengansukan.**

   Dalam hal ini, dikongsikan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk melaksanakan pemberian elaun berjumlah $800.00 sebulan kepada atlet yangterpilih melalui Program Pembiayaan Atlet (PPA) di bawah Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan. Seramai 5 orang atlet iaitu 3 daripada sukan Wushu, dan 2 daripada sukan Pencak Silat menerima elaun ini mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.

2. Kedua, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan dan tadbir urus organisasi sukan melalui peningkatan kapasiti pemimpin-pemimpin persatuan sukan kebangsaan, pegawai teknikal sukan, kejurulatihan dan kepakaran dalam bidang sukan; dan

3. Ketiga, Ketersediaan infrastruktur untuk mengadakan acara sukan serantau dan antarabangsa. Penaiktarafan terus dilaksanakan dengan prasarana sukan dinaik taraf dan ditambah baik mengikut piawaian antarabangsa, secara berfasa.

**STRATEGI KEEMPAT: DALAM BIDANG KEBUDAYAAN, KITA TERUS MENGUKUHKAN JATI DIRI DAN IDENTITI BANGSA SEBAGAI TERAS PEMBANGUNAN NEGARA YANG BERPAKSIKAN MELAYU ISLAM BERAJA (MIB).**

Antara usaha meningkatkan Budaya Dinamik dan Warisan Terpelihara adalah:

Sejumlah **$24.55 Juta** diperuntukkan bagi program Mengukuhkan Jati Diri dan Patriotisme termasuk pembinaan, penerapan dan penghayatan warisan, sejarah dan budaya serta penambahbaikan prasarana dan kemudahan, yang merangkumi
**$1.9 Juta** bagi Mengukuhkan Kegiatan Seni Budaya; **$10.2 Juta** bagi Bahasa, Sasteradan Perpustakaan; **$8.6 Juta** bagi Kegiatan Permuziuman termasuk Penjagaan Warisan dan Pemberigaan; dan **$3.8 Juta** bagi Mengukuhkan Penyelidikan, Pendokumentasian dan Pemeliharaan Sejarah. Antara usaha-usaha di bawah strategi ini ialah:

1. Pertama, Mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka akan sentiasa meningkatkan kegiatan dukungan memartabatkan Bahasa Melayu menerusi pertandingan-pertandingan, penulisan-penulisan dan penerbitan-penerbitan. Setakat ini Dewan Bahasa telah mula membina platform pintar dan aplikasi digital e-kamus; menggumpul lebih dari **12,500 pantun**, hampir **8,000 entri penyelidikan korpus Bahasa** dan lebih dari **350 entri penggubalan istilah Bahasa Melayu**. Dalam Memperkasa Budaya Membaca, Dewan Bahasa dan Pustaka giat dalam penjenamaan semula perpustakaan sebagai pusat komuniti dan hab pelbagai pembelajaran.

2. Kedua, Melancarkan perasmian Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei pada 9 Februari 2023 yang diselajurkan dengan pelancaran Bilik Koleksi Sumber Allahyarham Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri. Penubuhan sumber rujukan khas ini bertujuan untuk memberi nilai tambah dalam memperkaya dan meluaskan lagi sumber rujukan pesejarahan kesultanan Brunei, budaya dan adat istiadat negara, dan sekaligus menjadi mercu tanda pengikitirafan Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan.

3. Ketiga, Meningkatkan penyelidikan, pendokumentasian dan pemeliharaan sejarah. Sejak empat tahun kebelakangan ini PSB juga telah bergiat aktif melaksanakan beberapa inisiatif melalui kerjasama dengan rakan strategik seperti UBD, UNISSA, KUPUSB, Institusi Kerajaan Dan Swasta, Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Pakar-Pakar Sejarah Dan Lepasan Mahasiswa/ Institusi Pengajian Tinggi bagi meningkatkan taraf dan kualiti penyelidikan dalam memperluas, memperkaya dan mempelbagai lagi sumber bahan pensejarahan negara untuk bacaan dan rujukan kepada institusi tinggi, pengkaji, penyelidik, agensi kerajaan, swasta dan orang ramai.

4. Keempat, Meningkatkan pemeliharaan khazanah warisan memberi ruang pembelajaran kepada masyarakat di muzium-muzium seperti Muzium Brunei, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Projek Muziumku Warisanku. Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat merasmikan Hab Tenaga Brunei, Dermaga Diraja pada 23 Oktober 2022. Projek penaiktarafan dan penambahbaikan bangunan tersebut adalah contoh projek restorasi dan pemuliharaan bangunan bersejarah yang digunakan semula menjadi bangunan state-of-the-art, iaitu menjadi muzium yang mempamerkan kemajuan industri minyak dan gas melalui teknologi terkini. Manakala, projek penambahbaikan dan penaiktarafan Muzium Brunei berada dalam Fasa Ketiga iaitu pengubahsuaian ruang dalaman.

5. Kelima, Meningkatkan imej dan kebolehlihatan negara di peringkat serantau dan antarabangsa melalui penganjuran kegiatan serantau dan antarabangsa.

   5.1. Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Komiti ASEAN mengenai kebudayaan dan penerangan (ASEAN-COCI);

   5.2. Pelaksanaan projek ASEAN Walk di Taman Rekreasi Sungai Damuan yang akan melengkapkan arca dari 10 buah negara ASEAN. Negara Brunei Darussalam akan menjadi negara pertama ASEAN melengkapkan 10 arca negara-negara ASEAN;

   5.3. Negara Brunei Darussalam bersama dengan Malaysia, Republik Singapura, Indonesia dan Thailand akan sama-sama mengangkat pemakaian Kebaya sebagai Warisan Budaya Tak Ketara UNESCO; dan

   5.4. Peningkatan dalam jumlah memorandum persefahaman bersama negara sahabat dalam bidang kebudayaan, warisan, seni, sejarah dan bahasa. Penyertaan seperti di *Muscat International Book Fair* adalah di bawah

platform Memorandum Persefahaman dalam Bidang Kebudayaan bersama dengan negara-negara sahabat.

6. Keenam, Penyediaan ruang budaya kepada masyarakat, melalui projek-projek rancangan Kemajuan Negara ke-12. Antaranya termasuk:

    6.1. Menjadikan Dewan Majlis Lama sebagai Perpustakaan Negara (Koleksi Nadir) dan Galeri Seni Lukis Negara;

    6.2. Kurikulum Akademi Seni Budaya Brunei telah siap disediakan pada awal tahun ini;

    6.3. Menjadikan Perpustakaan Bandar Seri Begawan menjadi Perpustakaan Komuniti, menyediakan pelbagai kemudahan bagi masyarakat dan orang awam menimba ilmu dan berkarya menerusi konsep RELAKS (iaitu membaca, hiburan, riadah, tarikan, pengetahuan dan perkongsian).

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Setentunya segala strategi dan tindakan yang telah diketengahkan tadi hanya akan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya melalui kerjasama dan sumbangan rakan- rakan strategik serta pelbagai pihak melalui *whole of nation*. In shaa Allah, dengan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat selaku pemimpin akar umbi, suara dan telinga rakyat, kita akan dapat memperkukuhkan lagi usaha demi mencapai matlamat bersama iaitu Bangsa Brunei Cemerlang.

Demikianlah sahaja dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

# LAMPIRAN

## MASYARAKAT PROGRESIF




43% (9) selesai;
24% (5) sedang dan terus dilaksanakan;
33% (7) belum bermula

### SELESAI

- SKN
- Perintah OKU
- Pindaan Akta PUT dan Elaun OKU
- Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak
- Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan
- Pelan Tindakan Warga Emas
- Pelan Tindakan OKU
- Pelan Tindakan Kanak-Kanak
- Rumah Perlindungan Baharu

### SEDANG DAN TERUS DILAKSANAKAN

- Revitalisasi Pusat Bahagia
- *Social Blueprint*
- Penyelidikan Perkembangan Wanita
- Rangka Kerja Kecekapan Kerja Sosial dan Kaunseling
- Garis Panduan Program Jagaan Anak Angkat (*Foster Care*)

### BELUM BERMULA

- Inisiatif Perusahaan Sosial
- Garispandu Penyediaan Bilik Penjagaan Awal Kanak-kanak
- Perlindungan Insuran kepada pekerja JAPEM yang bersesuaian
- Rangka Kerja Penjagaan Awal Kanak-Kanak
- Pelan Tindakan Wanita
- Pelan Tindakan Keluarga
- Dasar Kebajikan Negara

## BELIA SIAGA MASA DEPAN




39% (9) selesai;
26% (6) sedang dan terus dilaksanakan;
34% (8) belum bermula

### SELESAI

- DBNS 2020-2035
- Rebiu Program Keusahawanan Belia
- Jawatankuasa Kebangsaan DBNS 2020-2035
- Garis Panduan Sukarelawan
- Sistem Aplikasi Sukarelawan MENGALINGA
- Pemberian Bantuan untuk Persatuan dan Pergerakan Belia
- Rebiu Pusat Belia
- Rebiu Resolusi Belia 2019
- Rebiu OBBD

### SEDANG DAN TERUS DILAKSANAKAN

- Indeks Pembangunan Belia Kebangsaan
- Akademi Belia
- Rebiu PKBN
- Pusat-pusat Belia sebagai Pusat Kecemerlangan
- Rangka Kerja Kecekapan Belia
- Pusat Pembangunan Belia sebagai Pusat Kecemerlangan

### BELUM BERMULA

- Majlis Belia Kebangsaan
- Kongres Belia Kebangsaan
- Kajian dan Diagnostik Keusahawanan
- Penubuhan Badan Pengiktirafan Kegiatan Rekreasi
- Badan Sukarelawan
- Garis Pandu Badan Pengiktirafan Kegiatan Luar
- Hab Inovasi Belia
- Penyelidikan Majlis Belia Kebangsaan

# NEGARA SUKAN YANG GEMILANG




30% (3) selesai;
40% (4) sedang dan terus dilaksanakan;
30% (3) belum bermula

**SELESAI**

- Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan
- Program Pingat Sukan SEA
- Program Biasiswa Sukan

**SEDANG DAN TERUS DILAKSANAKAN**

- Penaiktarafan Stadium Negara Hassanal Bolkiah
- Institut Sukan Negara Brunei Darussalam
- Pengoptimuman Prestasi Tinggi (*High Performance Lab*)
- Pengoptimuman Perubatan Sains Sukan

**BELUM BERMULA**

- Yayasan Sukan Negara
- Membangunkan Pusat Latihan dan Pemulihan Atlet Sukan Kebangsaan
- Mengukuhkan ekosistem sukan untuk kanak-kanak

# BUDAYA DINAMIK DAN WARISAN TERPELIHARA




33% (4) selesai;
33% (4) sedang dan terus dilaksanakan;
33% (4) belum bermula

**SELESAI**

- Budayaw 2021
- Pusat Sejarah sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei
- Kurikulum Akademi Budaya dan Kesenian
- Penjenamaan semula Perpustakaan-perpustakaan

**SEDANG DAN TERUS DILAKSANAKAN**

- Dasar Kebudayaan Negara
- Muzium Brunei
- Arca ASEAN Taman Damuan
- Penstrukturan semula Sektor Kebudayaan

**BELUM BERMULA**

- Muzium Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sumber dan Penyelidikan
- Pusat Kebudayaan Kebangsaan
- Perpustakaan Negara
- Perpustakaan Komuniti

# PERSEKITARAN KERJA INKLUSIF DAN PRODUKTIF




8% (1) selesai;
38% (5) sedang dan terus dilaksanakan;
54% (7) belum bermula

**SELESAI**

- Unit Audit Dalaman

**SEDANG DAN TERUS DILAKSANAKAN**

- Kajian Semula Separuh Penggal Pelan Strategik KKBS 2020-2024
- Bahagian Pengurusan Strategi dan Dasar
- Pendigitalisasian (BantuBN, E-Kamus dan Sistem Pengurusan Penyimpanan Muzium)
- Sistem Pengurusan Kemudahan Fasilitas
- Strategi Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia (Program Pengurusan Bakat dan Program Inovasi dan Kualiti diserapkan)

**BELUM BERMULA**

- Kajian Kepuasan Pelanggan
- Program Khidmat Pelanggan
- Penaiktarafan Unit Pengurusan Estet kepada Bahagian Pengurusan Estet (BPE) dan Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Persekitaran (*HSSE*) diserapkan di bawah BPE
- Pusat Pangkalan Data Organisasi
- Unit Undang-undang
- Analisis Keperluan Pembelajaran
- Pejabat Pintar